

Jilid II
Bil. 64



Hari Jumaat
30hb November, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 9099]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 9128]

Anggaran Pembangunan, 1985:

Jawatankuasa—

Maksud P. 62 [Ruangan 9130]

Maksud P. 63 [Ruangan 9157]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985—

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B. 62 [Ruangan 9130]

Maksud B. 63 [Ruangan 9157]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

„ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 30hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan V. Govindaraj.

(*Soalan No. 1 Y.B. Tuan V. Govindaraj tidak hadir.*)

“BRAIN DRAIN” DI PERINGKAT
PRA-UNIVERSITI

2. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang masalah “brain drain” di peringkat pra-universiti yang beralih ke Singapura;
- (b) sama ada beliau sedar Kerajaan Singapura menawarkan biasiswa-biasiswa kepada lepasan-lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia yang cemerlang untuk melanjutkan persekolahan di universiti-universiti Singapura; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan membetulkan keadaan ini dengan menawarkan biasiswa-biasiswa kepada murid-murid yang berkenaan yang hampir semuanya adalah bukan Bumiputera yang gagal memperolehi biasiswa daripada Kerajaan kita.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar adanya sebilangan pelajar-pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran mereka secara persendirian di peringkat pra-universiti di luar negeri termasuk Singapura. Ini tidaklah boleh dianggap sebagai “brain drain”.

Tidak ada sebarang biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Singapura kepada Kerajaan Malaysia untuk pelajar-pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia melanjutkan pelajaran di Universiti di Singapura. Kalaupun ada, pelajar-pelajar Malaysia yang mendapat biasiswa Kerajaan Singapura ini adalah secara persendirian.

Kerajaan tidak dapat menimbang memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar berkenaan kerana Kerajaan tidak dapat memberi biasiswa kepada semua pelajar. Pemberian biasiswa adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu serta mengambil kira matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi menyusun semula masyarakat.

MAS—PENDARATAN DI
AMERIKA SYARIKAT/JEPUN

3. Dato' Lee Boon Peng minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kejayaan telah dicapai atas masalah hak pendaratan oleh Sistem Penerbangan Malaysia di Amerika Syarikat dan Jepun yang terbit daripada pertemuan dengan rakan-rakan sejawatnya dari negara-negara yang berkenaan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Yang Berhormat ini mempunyai dua bahagian.

Pertama adalah mengenai masalah yang kita hadapi dengan Amerika Syarikat. Dalam hal ini saya ingin memaklum bahawa MAS bercadang untuk mengadakan penerbangan secara terus dan persendirian dari Malaysia ke Amerika Syarikat. Dari kajian yang dibuat adalah didapati bahawa penerbangan yang menguntungkan dari Malaysia ke Amerika Syarikat adalah melalui Tokyo. Oleh yang demikian semasa pertemuan Yang Berhormat Menteri Luar kita dengan Setiausaha Negara dan Timbalan Setiausaha Negara dan juga pegawai-pegawai dari Jabatan Pengangkutan Amerika Syarikat di Washington dan New York pada bulan Oktober yang lalu, kita telah membangkitkan permintaan MAS untuk mengadakan penerbangan dari Kuala Lumpur ke Los Angeles melalui Tokyo dengan mendapatkan Hak Trafik Ke 5 dari Amerika Syarikat dari Tokyo ke Los Angeles.

Semasa pertemuan itu juga kita telah mencadangkan bahawa Amerika Syarikat memberi kepada MAS Hak Trafik Ke 5 di antara Tokyo dan U.S. yang mana kita akan gunakan dalam tempoh dua tahun yang akan datang. Sebagai balasan, Malaysia akan memberi Hak Trafik Ke 5 dari Kuala Lumpur ke Tokyo kepada Syarikat Penerbangan Northwest dan memberi kebenaran kepada syarikat tersebut mengadakan penerbangan tersendiri dengan segeranya dari Tokyo ke Kuala Lumpur dan juga akan memberi pertimbangan untuk menambah penerbangan Flying Tigers ke Malaysia. Kita dapati bahawa pihak Amerika Syarikat bersimpati dengan permintaan kita itu dan mereka telah berjanji untuk mengkaji cadangan-cadangan yang telah dikemukakan itu.

Masalah yang dihadapi oleh kita dengan Kerajaan Jepun adalah mengenai cadangan untuk mengadakan perkhidmatan usahasama MAS—Northwest di dalam jadual penerbangan dari Kuala Lumpur ke San Francisco melalui Tokyo dan juga mengenai Hak-hak Trafik Ke 5 di antara Tokyo dan Amerika Syarikat.

Pihak Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita telah menemui beberapa tokoh-tokoh terkenal di Jepun meminta bantuan mereka untuk mewujudkan rancangan operasi bersama tersebut. Menteri tersebut telah pun pergi ke Jepun pada 10hb hingga 12hb Jun, 1984 dan bertemu dengan Encik Takeo Fukuda, Bekas Perdana Menteri Jepun, Encik Naburu Gotto, Presiden Dewan Pengangkutan Jepun dan Pengerusi Tokyo Corporation dan Encik Mashumi Esaki, Pengerusi Jawatankuasa Khas Langkah-langkah Ekonomi di Antarabangsa. Kita juga telah berbincang mengenai masalah ini dengan Menteri Luar Jepun di New York semasa beliau menghadiri mesyuarat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pertemuan ini dan juga langkah-langkah lain yang diambil melalui saluran diplomatik telah membawa kepada pertemuan di antara Yang Berhormat Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Nakasone di Tokyo pada 15hb Oktober lalu di mana semasa pertemuan itu Kerajaan Jepun bersetuju untuk memberi kelulusan kepada rancangan usaha sama itu dengan penyertaan Syarikat Penerbangan Jepun. Malaysia menerima pada dasarnya cadangan Perdana Menteri Jepun itu dan rundingan di antara ketiga buah negara dan ketiga buah syarikat penerbangan sedang dan akan dijalankan untuk mencapai persetujuan dengan rancangan tersebut.

Mengenai hak Trafik Ke 5 di antara Tokyo dan Amerika Syarikat, pihak Jepun telah menyatakan bahawa sekiranya MAS bercadang untuk mengadakan penerbangan terus ke Amerika Syarikat, pihak Kerajaan Jepun bersedia menimbangkan dengan baiknya untuk memberi Hak Trafik Ke 5 dari Tokyo ke Amerika Syarikat.

Pertemuan dengan pegawai-pegawai Amerika Syarikat dan Jepun telah membuat kedua-dua buah negara itu lebih memahami mengenai masalah yang dihadapi oleh MAS. Berdasarkan kepada perbincangan ini adalah jelas bahawa masalah hak pendaratan MAS ke Amerika Syarikat dan Jepun tidak menjadi begitu rumit lagi dan besar kemungkinan perkara ini boleh mencapai persetujuan.

LKIM—PROJEK DAN PERUNTUKAN

4. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah projek dan peruntukan kewangan yang disediakan oleh pihak Kerajaan bagi tujuan pembangunan masyarakat nelayan yang dilaksanakan melalui LKIM;
- (b) bolehkah Menteri menjelaskan bilakah projek ini akan dilaksanakan di dalam kawasan Parlimen Parit Buntar iaitu dari perkampungan Nelayan Sungai Bakau hinggalah ke Kuala Kurau. Jika ada rancangan berapakah jumlah peruntukan dan bilakah projek ini akan dimulakan; dan
- (c) sejauh manakah projek-projek pembangunan masyarakat Nelayan ini telah dapat meningkatkan taraf hidup nelayan-nelayan miskin negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, jawapan adalah seperti berikut—

- (a) Setakat ini LKIM telah melaksanakan sebanyak 371 projek termasuk 211 projek-projek persatuan nelayan melalui program seperti berikut:

Program Modenisasi.

Program Ternakan Air.

Program Pembangunan Masyarakat Nelayan.

Program Khidmat Sokongan Pemasaran.

Program Industri Berkait dan Infrastruktur.

Jumlah kewangan yang diperuntukkan pula ialah sebanyak \$294,578,976. Melalui projek dan jumlah kewangan yang diperuntukkan tersebut di atas ianya memanglah bertujuan bagi memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan di samping memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan;

- (b) Kerajaan sedang membuat kajian dari segi kesesuaian kawasan Parlimen Parit Buntar untuk dijadikan satu kawasan pembangunan nelayan. Walau bagaimanapun, pada masa ini program-program yang dilaksanakan di kawasan ini adalah di bawah program kesatuan nelayan tempatan. Projek yang sedang dijalankan adalah seperti Projek Minyak Diesel di Kuala Kurau dan Tanjung Piandang, projek-projek kebajikan seperti kelas-kelas TADIKA, kelas-kelas anjuran KEMAS dan projek-projek gotong royong;

(c) Mengikuti kajian Unit Perancang Ekonomi kadar kemiskinan di kalangan nelayan telah menurun daripada 73.2% di tahun 1970 kepada 63% di tahun 1975 dan seterusnya telah menurun kepada 45.3% pada tahun 1980.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita dengar Timbalan Menteri menyatakan bahawa terlalu banyak projek-projek telah dibuat oleh pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri apakah kejayaan-kejayaan pihak nelayan-nelayan terutama nelayan-nelayan pantai barat Semenanjung ini khasnya nelayan-nelayan bumiputera melalui peruntukan kewangan yang disediakan oleh pihak Kerajaan melalui LKIM ini, memandangkan masih banyak lagi nelayan-nelayan bumiputera kita yang masih di takok lama juga.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jawapan secara terperinci tetapi kadar kemiskinan yang dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi telah menunjukkan bahawa projek-projek yang dijalankan oleh LKIM dan Jabatan Perikanan ada kesannya.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jaminan iaitu akan menjalankan kajian di kawasan saya sendiri. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dalam kajian-kajian itu apakah kriteria-kriteria yang dipakai untuk mengesan projek yang dimaksudkan.

Kedua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini adakah disebabkan oleh

projek-projek LKIM yang disebutkan itu telah dapat menurunkan kadar kemiskinan nelayan-nelayan ataupun adakah kerana mereka ini ataupun nelayan-nelayan ataupun generasi kedua ketiga nelayan telah keluar daripada sektor nelayan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang dipilih oleh Kerajaan setakat ini untuk menjadikan kawasan pembangunan nelayan terhad oleh kerana kewangan yang diperuntukkan terhad. Walau bagaimanapun, prioritas diberi kepada kawasan-kawasan di mana keadaan ekonomi sosial nelayan nampaknya teruk sangat dan juga kemungkinan kawasan itu digunakan untuk projek-projek ternakan dan projek-projek ekonomi yang lain. Dan memanglah tujuan projek kawasan pembangunan ini menurunkan kadar kemiskinan dalam masyarakat nelayan. Di samping ini, saya hendak terangkan bahawa nelayan-nelayan di kawasan Ahli Yang Berhormat itu menghadapi masalah yang besar akibat konflik antara nelayan pukat tunda dan nelayan pantai dan inipun adalah salah satu sebab Jabatan Perikanan dan LKIM memberi prioritas kepada kawasan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mokhtaram bin Rabidin.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Mokhtaram bin Rabidin tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Koh Tsu Koon.

(Soalan No. 6 Y.B. Dr Koh Tsu Koon tidak hadir).

HOSPITAL DI SABAH— KEADAAN

7. **Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong** minta Menteri Kesihatan menyatakan setelah banyak dilaporkan tentang keadaan hospital

yang tidak baik di Sabah, apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa keadaan setengah hospital di Sabah kurang memuaskan dan perlu diperbaiki. Sejak Rancangan Malaysia Kedua beberapa langkah yang tertentu telah dirancang dan dilaksanakan untuk mempertingkatkan tahap dan liputan perkhidmatan perubatan di Sabah. Langkah-langkah itu termasuk pembinaan beberapa buah hospital baru, memperbaiki dan menambah kemudahan-kemudahan di hospital-hospital yang sedia ada dan kemudahan-kemudahan latihan di samping mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan pengurusan di hospital-hospital. Usaha Kementerian Kesihatan boleh digambarkan dengan beberapa projek-projek besar yang telah siap dibina. Ini termasuk:

Empat buah hospital daerah baru yang berjumlah 551 buah katil dengan kos sebanyak \$40,000,000. Empat projek sambungan kepada hospital dan memperbaiki hospital-hospital termasuk projek tambahan besar kepada Hospital Besar di Kota Kinabalu yang menelan belanja sebanyak \$25,848,000.

Beberapa projek yang boleh mula pembinaan dalam Rancangan Malaysia Keempat terpaksa ditangguhkan oleh kerana keadaan ekonomi yang kurang memuaskan. Ini termasuk hospital daerah baru dan tiga projek memperbaiki hospital dari segi wad tambahan dan X-ray dan Jabatan Pesakit Luar.

Mengenai penyelenggaraan kemudahan-kemudahan fizikal, langkah-langkah adalah diambil setiap tahun bagi memperbaiki dan memelihara kemudahan fizikal di hospital-hospital apabila keadaan

memerlukannya. Bagi tahun 1984, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak \$1.5 juta untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan fizikal di perkhidmatan perubatan di Sabah.

Semua hospital di Sabah telah dilengkapi dengan alat-alat perubatan yang mencukupi. Bagi tahun 1984, Kementerian telah memperuntukkan \$1.177 juta untuk membeli alat-alat tambahan untuk hospital-hospital yang memerlukannya.

Berhubung dengan kedudukan kakitangan saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pada pertengahan bulan September tahun ini, 63.3% jawatan pakar dan 63% jawatan pegawai perubatan telah diisi di negeri Sabah. Bilangan lain-lain kategori kakitangan seperti Ketua Jururawat, Jururawat Terlatih, Penolong Jururawat, Pembantu Hospital dan lain-lain pada masa ini adalah mencukupi. Bagi tahun 1984 pula, jawatan tambahan sebanyak 18 pegawai-pegawai perubatan, 17 Ketua Jururawat, 85 Jururawat Terlatih, 87 Penolong Jururawat dan 26 Pembantu Hospital telah pun diluluskan.

Berhubung dengan kebersihan di hospital-hospital langkah-langkah juga telah diambil untuk memperbaiki kebersihan pada keseluruhannya termasuk di kawasan sekitarnya dan perkara ini adalah dijadikan sebagai satu kempen menyeluruh di hospital-hospital Kerajaan di seluruh tanahair.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa beberapa hospital kecil di bandar-bandar di negeri Sabah didapati kekurangan kelengkapan yang moden. Sekiranya sedar, apakah tindakan-tindakan Kementerian berkenaan kekurangan kelengkapan ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah terlalu umum. Dalam jawapan saya tadi saya telah mengatakan bahawa alat-alat di hospital-hospital di Sabah adalah memuaskan dan kita akan menambah apabila perlu. Jika Ahli Yang Berhormat dapat berhubung dengan saya mengenai apakah beliau rasa kekurangan bolehlah saya siasat.

JALAN SIMPANG LAWIN, KUALA KANGSAR

8. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan menentukan satu aliran jalan yang dicadangkan untuk membesarkan jalan dari Simpang Lawin, Kuala Kangsar ke Grik. Supaya usaha-usaha rancangan pembangunan di sepanjang jalan itu tidak akan terganggu seperti yang berlaku sekarang ini. Jika Kerajaan tidak bercadang untuk meminda mana-mana aliran jalan yang ada sekarang ini, Kerajaan perlu membuat suatu kenyataan kepada umum dengan segera, supaya rakyat tidak merasa apa-apa kebimbangan lagi.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang ada rancangan untuk membesar dan meluruskan bahagian-bahagian yang tertentu di jalan raya dari Simpang Lawin, Kuala Kangsar ke Grik. Projek ini dianggarkan menelan belanja sebanyak \$180 juta dan telah dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Walau bagaimanapun, rancangan itu tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan. Cadangan telah juga dibuat untuk memasukkan projek ini di dalam Rancangan Malaysia Kelima yang sedang dalam pertimbangan sekarang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini aliran jalan baharu untuk jalan raya itu belum ditentukan lagi.

Mengenai kedudukan tanah-tanah di sepanjang jalan raya tersebut, sukalah saya memaklumkan bahawa pembangunan tanah-tanah di sekitar jalan raya itu tidak lagi dibekukan. Ini adalah bertujuan untuk tidak menimbulkan kesulitan kepada pemilik-pemilik tanah berkenaan. Pada masa hadapan jika didapati aliran jalan baharu itu melalui tanah-tanah yang telah dimajukan maka pada lazimnya pampasan yang berpatutan akan dibayar kepada tuan-tuan punya tanah yang terlibat.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa hingga setakat ini belum lagi Kerajaan menentukan aliran jalan. Saya ingin tahu mengapakah Kerajaan terpaksa mengambil masa begitu panjang untuk menentukan aliran jalan ini. Kedua, bilakah agaknya dapat ditentukan?

Perkara yang ketiga, Yang Berhormat juga telah menerangkan bahawa pembinaan pembangunan dijalankan ini tidak lagi terhalang tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa salah satu sebab Klinik Bidan di Kampung Ngor, Sauk, Kuala Kangsar tidak dapat dibangunkan oleh kerana halangan corridor jalan itu yang dijawab oleh pihak JKR pada hal wang kelulusan untuk klinik sudah lulus sejak tahun 1983 lagi tetapi tidak dapat dibuat semata-mata kerana halangan corridor jalan ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah berkenaan dengan corridor dan juga berkenaan dengan projek Klinik Bidan itu, saya akan mengambil tindakan tetapi seperti apa yang saya katakan tadi jawapan untuk soalan tambahan

pertama dan soalan tambahan yang kedua, saya telah jawab dalam soal asal.

NELAYAN-NELAYAN DI SARAWAK—BANTUAN

9. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertanian menyatakan apakah jenis bantuan yang diberi kepada nelayan-nelayan di Sarawak.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memberi beberapa jenis bantuan kepada para nelayan di Sarawak dan bantuannya merupakan:

- (1) bantuan pinjaman modal perikanan untuk membolehkan nelayan-nelayan membeli enjin-enjin bot, peti-peti ikan dan pukat-pukat;
- (2) kemudahan-kemudahan pendaratan dan pemasaran ikan seperti jeti-jeti di Oya, Kabong, Mukah dan Sungai Apong. Pusat-pusat Perikanan yang dicadangkan untuk Mukah, Belawai, Kuching dan Miri dan mini kompleks yang dicadangkan untuk Sibul, Bintulu dan Sarikei;
- (3) khidmat latihan bagi nelayan di Institute Perikanan Malaysia di batu Maung, Pulau Pinang; dan
- (4) khidmat pengembangan yang diberi oleh bengkel-bengkel bergerak pengembangan.

AL-KITAB DAN PERJANJIAN BARU—PENEGAHAN IMPORT

10. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau telah menerima sepucuk surat daripada Encik Jok Wan, Ketua Sidang Injil Borneo (Evangelical Church of Borneo) bertarikh 9hb Ogos, 1984 mengenai Penegahan pengimportan Al-Kitab (Bible) dan

Perjanjian Baru (New Testament) dan penahanan buku-buku Kristian dalam bahasa Indonesia ke negeri Sarawak serta penyebaran dan pengedaran bebasnya kepada umat Kristian yang merupakan 29% daripada penduduk-penduduk negeri Sarawak; jika ya, apakah balasan dan jawapan beliau kepada surat tersebut.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesahkan bahawa surat yang dihantar oleh Encik Jok Wan, Ketua Sidang Injil Borneo bertarikh 9hb Ogos, 1984 telah selamat diterima.

Kementerian Dalam Negeri telah membenarkan Sidang Injil Borneo mengimport Al-Kitab dan Perjanjian baharu ke Sarawak. Walau bagaimanapun, sedikit syarat telah dikenakan di mana ianya hanya untuk kegunaan oleh ahli-ahli agama Kristian di dalam gereja-gereja sahaja di seluruh Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi tahu Dewan sebab-sebab kenapa pengimportan, pengedaran, penjualan kitab dalam bahasa Indonesia disekat apabila gereja-gereja mematuhi hasrat rakyat dan negara untuk mengutamakan Bahasa Malaysia mengadakan kitab bahasa rasmi. Dan bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi satu jaminan bahawa mengikut kebebasan agama Kerajaan tidak akan menyekat pengedaran, penjualan kitab atau buku-buku suci lain-lain agama dalam Bahasa Malaysia?

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya mengalu-alukan usaha-usaha daripada rakyat jelata daripada agama-agama lain daripada agama Islam yang sedang cuba menggunakan Bahasa Malaysia seluas-luasnya di dalam hal ehwal

agama masing-masing. Tetapi soal khusus berhubung dengan Al-Kitab ini ialah satu soal yang kita alami mengikut pengalaman yang baharu yang diketahui oleh kita. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum sungguhpun kita tahu bahawa Bahasa Malaysia dengan bahasa Indonesia itu boleh dikatakan sama tetapi begitu banyak istilah-istilah yang berbeza boleh ditafsirkan di antara satu sama lain sebagai satu faktor utama.

Yang kedua, ialah bahawa dasar serta kedudukan di negara Indonesia itu berbeza dengan kedudukan di negara kita Malaysia pada keseluruhannya dari segi soal-soal berkaitan dengan agama. Maka oleh sebab itulah apabila buku ini mula tiba ke mari mengikut peraturan biasa telah didapati istilah-istilah yang ada berkemungkinan disalahtafsirkan ataupun disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Maka oleh sebab itulah pada awal-awal dahulu buku yang berkenaan ini terpaksa ditahan dan diteliti serta diperiksa. Walau bagaimanapun, apabila penahanan berlaku dan telah diminta oleh pihak-pihak yang berkenaan, pihak Kristian untuk dibincangkan dan diminta dilepaskan maka kita telah mengadakan perbincangan dan berasas kepada dialog dan perbincangan inilah dan sefahaman inilah maka buku yang sebegini kita telah lepaskan.

Dari segi jaminan, Tuan Yang di-Pertua, jaminan boleh diberi iaitu dari segi kebebasan beragama di negara ini kita memang beri tetapi kita harus sedar bahawa soal agama ini ialah satu soal yang sensitif dan di mana yang perlu kita mengambil tindakan-tindakan yang tertentu mengikut "on the merit of each case", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, maka kita akan ambil tindakan sekiranya dan apabila difikirkan perlu. Tetapi pada asasnya kita boleh membuat perjanjian bahawa hak kebebasan beragama di

dalam negara ini seperti termaktub di dalam Perlembagaan akan ditentukan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagaimana yang kita tahu

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan itu ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ya, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Apakah dengan mengadakan buku ataupun Bible dalam Bahasa Malaysia ini dia sedikit sebanyak akan mempengaruhi, akan dibaca oleh orang-orang Melayu yang merupakan sebahagian besar pemeluk agama Islam dan ini sudah tentu akan memesongkan akidah sedikit sebanyak, tambahan pula orang Melayu yang tidak begitu kenal tentang agama-agama lain dan ini akan menyentuh Agama Rasmi kita.

Jadi apakah Kerajaan akan memberi jaminan bahawa jika pengedaran buku ini boleh menyentuh Agama Rasmi negara kita kerana perkembangan agama ini selagi tidak menyentuh Agama Rasmi maka boleh dibenarkan, tetapi sekiranya menyentuh perkembangan Agama Islam iaitu Agama Rasmi negara kita, adakah buku ini akan diharamkan?

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya saya katakan tadi bahawa kita telah mengenakan syarat-syarat yang tertentu.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Menteri Dalam Negeri. Baru sekejap tadi Yang Amat Berhormat ada memberi jawapan kepada perkara-perkara mengenai buku-buku Kristian yang telah ditahan. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih terang terutama sekali kepada orang-orang yang bukan beragama Islam

tentang penyekatan buku ini, adakah terhad kepada buku-buku Kristian sahaja ataupun buku-buku dalam Islam sendiri pun sekiranya tidak begitu menyenangkan ataupun tidak begitu diperhatikan dengan sehalus-halusnya juga ditahan? Ataupun semata-mata buku dalam agama Kristian sahaja yang Kerajaan mahu tahan?

Jadi ertinya, pandangan yang saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut iaitu Kerajaan Malaysia adalah menuju kepada matlamat yang betul. Oleh itu agama Islam sekali pun buku-bukunya yang tidak begitu betul misalnya, juga ditahan, adakah begitu?

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan ini sebenarnya terkeluar daripada soalan asal, tetapi

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bersetuju, Yang Amat Berhormat.

Dato Musa Hitam: saya fikir perlu dijelaskan takut nanti salah faham kalau saya tidak menjawabnya. Saya suka menyatakan bahawa memang benar proses penelitian ini dijalankan kepada semua. Kalau didapati bahawa buku dalam agama Islam pun salah dicetak dari segi apa pun, sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja dan diimport di dalam negara ini, kita ada kuasa-kuasa dan prosedur yang tertentu di mana kita boleh menyekat dan cuma setelah diteliti dengan sebenarnya sama ada buku itu tidak menjejaskan agama—di dalam hal ini agama Islam misalnya—barulah kita membenarkan ianya disebar di dalam negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Semakin banyak soalan tambahan ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan

Perdana Menteri sedar bahawa bilangan penduduk-penduduk bumiputera yang beragama Islam di negeri Sarawak merupakan lebih kurang 18% daripada penduduk-penduduk tempatan dan buku-buku yang diedar dan dijual oleh, dengan izin, Evangelical Church of Borneo, adalah untuk kegunaan oleh bumiputera-bumiputera yang bukan beragama Islam seperti Dayak, Iban, Murut dan bukan seperti apa yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, dengan “one-track mind”, dengan izin, untuk mengancam usaha-usaha memperkuatkan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Yang Berhormat, masa ini adalah masa untuk mengemukakan pertanyaan-pertanyaan untuk Jawab Mulut, untuk mendapatkan; mengikut Peraturan Mesyuarat 21 (3)—“Tujuan yang sebenarnya mengeluarkan sesuatu pertanyaan ialah kerana mendapat penerangan berkenaan dengan sesuatu perkara hakikat yang dalam pengetahuan istimewa Ahli yang diarahkan pertanyaan itu.”

Seterusnya Peraturan-peraturan Mesyuarat mengandungi beberapa syarat cara mana pertanyaan-pertanyaan untuk Jawab Mulut boleh dikemukakan dan di antara syarat-syarat ini menegah daripada memasukkan mana-mana tohmah ataupun hypothesis dan sebagainya. Jadi saya beri Yang Berhormat peluang sekali lagi bagi mengemukakan pertanyaan mengikut syarat-syarat dalam Peraturan mesyuarat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala soalan yang tertentu mestilah dibangkitkan untuk “to put the record straight” supaya Dewan yang mulia ini tidak salah faham.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak perlu lagi berhujah dengan saya, kemukakan soalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay, selesai macam ini.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa satu golongan menggunakan beberapa buah kitab-kitab asing bagi panduan ibadat dan sebagainya. Jadi saya ingin mendapat penjelasan dari Kementerian Dalam Negeri, apakah yang dimaksudkan dengan kitab-kitab asing yang dikatakan itu dan apakah kitab-kitab asing yang difikirkan mengandungi butir-butir, kenyataan-kenyataan ataupun hukum-hukum yang tidak betul akan diharamkan?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan itu agak terkeluar sedikit daripada konteks, tetapi oleh kerana Yang Amat Berhormat sendiri telah membukakan konteks, terserahlah kepada Yang Amat Berhormat sama ada hendak menjawabnya.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus tadi terkeluar, tetapi soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi jauh terkeluar, jadi saya tidak payah jawab (*Ketawa*).

BANDUAN PERINTAH BUANG NEGERI (BANISHEES) DI MALAYSIA

11. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang yang diperintah dibuang negeri (banishees) yang terdapat di kem-kem tahanan/penjara-penjara kita; sila sebutkan tempat mereka ditahan dan nama mereka, dan nyatakan tempoh setiap mereka itu ditahan.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, hanya seorang sahaja banduan perintah buang negeri yang terdapat di dalam penjara Malaysia. Banduan tersebut bernama Ah Meng *alias* Choo Yong Sin yang mula ditahan sejak 5hb Mac, 1957. Pada masa ini banduan berkenan sedang dirawat di Hospital Bahagia, Ulu Kinta sejak 18hb November, 1983. Bantuan tersebut telah ditahan begitu lama kerana tidak ada satu negara pun yang mahu menerimanya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, adakah tujuan Kerajaan untuk menahan banduan itu sehingga dia mati dalam penjara atau oleh kerana beliau telah ditahan begitu lama—27 tahun, bahawa Kerajaan menimbang untuk dibenarkan dia untuk diami di Malaysia atau adakah apa-apa tindakan?

Dato Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab subjek ini ialah seorang banduan hasil daripada perintah buang negeri iaitu sebagai banishee, maknanya dia terpaksa keluar daripada negeri kita, oleh sebab tidak ada negara yang mahu menerimanya, kita menahannya kerana negara ini bukanlah negaranya. Walau bagaimanapun, oleh sebab dia begitu lama telah terapung-apung dan keadaannya nampak begitu daif, begitu lama, jadi hasil daripada soalan ini, saya sendiri telah pun mula membuat inquiry dan penyiasatan dan barangkali ada kemungkinan pihak Kerajaan membuat sesuatu keputusan dari segi peri kemanusiaan.

KAPALSELAM UNTUK PERTAHANAN NEGARA

12. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertahanan menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang hendak membeli kapalselam untuk pertahanan laut kita sekurang-sekurang untuk latihan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan adalah sentiasa mengkaji keperluan peralatan-peralatan Ketenteraan iaitu sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan lagi tahap keupayaan pertahanan negara. Namun demikian, sebelum sesuatu peralatan ketenteraan dibeli, beberapa faktor perlu dikaji dengan teliti termasuk keperluan dari segi pertahanan negara, kesesuaian dari segi spesifikasi, keupayaan peralatan, kemampuan wang serta dasar bekalan negara-negara pengeluaran peralatan berkenaan. Berdasarkan faktor-faktor itulah Kementerian ini sedang mengkaji tentang penggunaan kapselam untuk pertahanan negara.

Walau bagaimanapun dengan kapal-kapal yang dimiliki oleh Tentera Laut Di-Raja Malaysia sekarang, kita masih mampu mengawal keselamatan perairan kita dari sebarang pencerobohan dan ancaman yang terbatas.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah sekolah untuk melatih berbagai tentera laut.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Soalan itu terkeluar dari soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua: Berbalik semula kepada soalan-soalan yang tertinggal. Yang Berhormat Tuan V. Govindaraj.

BURUH KANAK-KANAK DI ESTET-ESTET

1. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar pada masa kebelakangan ini didapati penggunaan tenaga buruh

kanak-kanak di kebanyakan estet-estet; jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi menghalang kegiatan seperti ini.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar atas wujudnya buruh kanak-kanak dari masa ke semasa di estet-estet dan terutama sekali di kebun-kebun kecil dan tempat-tempat perniagaan kecil kepunyaan keluarga di mana kanak-kanak yang sepatutnya berada di bangku sekolah tetapi bekerja bagi membantu ibu bapa masing-masing.

Berhubung dengan perkara ini, perlulah diambil ingatan bahawa masalah buruh kanak-kanak adalah berkait dengan kemiskinan dan merupakan kejadian biasa di negara-negara yang sedang membangun di seluruh dunia. Adalah dipercayai masalah buruh kanak-kanak di negara kita akan beransur-ansur terhapus dengan terbasminya kemiskinan. Walau bagaimanapun, buat sementara itu Akta Pekerjaan Kanak-kanak dan Orang-orang Muda 1966 mempunyai peruntukan-peruntukan yang lengkap untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak dan orang-orang muda mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penggajian mereka. Akta tersebut menetapkan jenis-jenis pekerjaan dalam mana mereka boleh digajikan dan juga menetapkan hari-hari kerja serta masa bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta tersebut pegawai-pegawai dari Kementerian saya akan terus menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan biasa dan juga pemeriksaan-pemeriksaan mengejut. Selain dari itu pihak orang ramai juga digesa mengemukakan kepada Kementerian saya sebarang maklumat mengenai penggajian buruh kanak-kanak di mana-mana tempat

perniagaan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil selaras dengan peruntukan-peruntukan di bawah Akta tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka-angka tentang berapa kes penggunaan tenaga buruh kanak-kanak di estet-estet yang dapat dikesan sehingga hari ini dan di samping itu berapa pesalah yang telah dihadapkan ke Mahkamah.

Soalan tambahan yang kedua ialah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa masalah penggunaan tenaga buruh kanak-kanak berpunca dari sistem buruh kontrak di negara kita dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menghapuskan sistem buruh kontrak ini.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak ada mempunyai angka-angka tertentu seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Angka yang saya ada di sini cuma kes-kes yang telah dibawa ke Mahkamah. Bilangan kes-kes yang disiasat itu saya tiada di sini, saya cuma ada yang dapat dibawa ke Mahkamah. Bagi 10 tahun yang lepas itu angka-angka adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Kes</i>
1974	38 kes yang dapat dibawa ke Mahkamah dan jumlah denda ialah \$8,050
1975	18
1976	30
1977	17
1978	4
1979	24
1980	26
1981	18
1982	15
1983	9

dan pada tahun ini sehingga bulan Ogos 5 kes. Jumlah 10 tahun itu 204 dan jumlah hukuman denda ialah \$52,070.

Soalan kedua itu saya rasa keluar daripada soalan asal.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri Buruh, tadi Timbalan Menteri ada menyebut yang dia telah mendapat laporan yang majikan-majikan ada membuat kanak-kanak menjadi buruh. Saya juga ingin tahu kerja-kerja bagaimanakah yang disuruh oleh majikan-majikan ini kepada kanak-kanak, adakah kerja-kerja itu ringan atau kerja-kerja itu berat.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengikut cara-cara tertentu di dalam undang-undang dan kebanyakan ini untuk kanak-kanak memanglah cuma kerja yang ringan yang boleh dibenarkan oleh Kerajaan.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ada apa Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kerja yang ringan-ringan. Ada juga di kedai-kedai makan kerja ringan itu seperti mencuci pinggan, jadi pelayan-pelayan itu ringanlah. Tetapi ada setengah itu disuruh angkat timba

Timbalan Yang di-Pertua: Apakah soalan Yang Berhormat?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Itulah kerja itu ringan serupa mana, setakat mana ringan itu. (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa bagi menjawab soalan itu secara jelas dan mengikut secara objektif agak

sukar. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab juga saya boleh beri peluang menjawab.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini susah juga mahu jawab oleh kerana memang kita tahu apa yang ringan (*Ketawa*). Ini terpulang kepada tiap-tiap orang mentafsirkan apa yang ringan dan apa yang berat tetapi saya rasa untuk anak-anak memanglah kalau barang-barang berat diminta anak-anak mengangkatnya, ini sudah jadi berat, tetapi kalau serupa apa Yang Berhormat kata tadi seperti mencuci piring, itu memang ringan.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Yang Berhormat sedar bahawa berlakunya kes-kes buruh kanak-kanak ini adalah disebabkan kurangnya kefahaman undang-undang ataupun, dengan izin, lack of legal literacy di kalangan ibu bapa mengenai undang-undang yang melindungi kanak-kanak begitu juga di kalangan kebanyakan anggota masyarakat. Dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ramai majikan yang menggajikan kanak-kanak dengan tidak mengasingkan tugas-tugas mereka dengan orang dewasa maka terjadilah peristiwa-peristiwa yang telah dapat kita lihat dalam akhbar-akhbar peristiwa "Shamsul" misalnya yang berlaku di Hutan Melintang.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Selain daripada kekurangan pengetahuan, dengan izin, lack of literacy, Tuan Yang di-Pertua, kami juga berpendapat kemiskinan adalah satu faktor yang penting. Oleh hal yang demikian, kami merasa bukan sahaja boleh

ditetapkan menjalankan undang-undang buruh tetapi juga kami berharap boleh menggesa ibu bapa anak-anak itu dan majikan-majikan, begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak sekolah di mana anak-anak itu bersekolah serta pihak Pegawai Kebajikan Masyarakat supaya kita semua boleh bekerjasama dengan memberi satu masa yang baik kepada anak-anak kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mokhtaram bin Rabidin.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

PENUKARAN NAMA JENIS SEKOLAH

5. Tuan Haji Seroji bin haji Haron (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang hendak menukarkan nama jenis sekolah yang dahulunya dikenal sebagai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris atau SRJK (I) dan sekarang dikenali sebagai SRK (Sekolah Rendah Kebangsaan) kepada nama SK (Sekolah Kebangsaan) kerana kedua-dua jenis sekolah itu pada masa ini menggunakan bahasa pengantar yang sama iaitu Bahasa Malaysia.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran belum bercadang hendak menukarkan nama sekolah yang dahulunya dikenali sebagai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris dan sekarang dikenali sebagai Sekolah Rendah Kebangsaan kepada Sekolah Kebangsaan.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Saya ingin mengemukakan pertanyaan iaitu:

Pertama, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah perbezaan antara Sekolah Rendah Kebangsaan dengan Sekolah Kebangsaan dari segi latar belakang, dari segi tempat dan dari segi kemudahan-kemudahan yang disediakan dan juga dari segi penempatan pelajar yang menyebabkan tidak dapat hendak disatukan nama sekolah tersebut.

Kedua, dengan adanya nama sekolah yang berlainan tetapi kedudukannya sama, sudah tentu akan menjejaskan peluang untuk pemilihan pelajar-pelajar ini ke sekolah berasrama penuh.

Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini ataupun Kementerian Pelajaran untuk memberi persamaan di dalam menentukan pemilihan pelajar-pelajar ke sekolah menengah asrama penuh di antara Sekolah Rendah Kebangsaan dengan Sekolah Kebangsaan.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Rendah Kebangsaan berbeza dari Sekolah Kebangsaan iaitu ada beberapa sebab. Sebab-sebab itu:

Pertama, untuk mengelakkan terdapatnya lebih dari satu sekolah yang mempunyai nama yang sama dalam satu-satu tempat.

Kedua, untuk menyenangkan kita mengesan antara sekolah yang dahulunya Sekolah Kebangsaan dan yang dahulunya Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris.

Ketiga, untuk menyenangkan proses pentadbiran dan sekolah-sekolah rendah baru yang mempunyai bahasa pengantar Bahasa Malaysia semuanya sekarang dinamakan Sekolah Kebangsaan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sebentar Yang Berhormat. Ada sebahagian kedua soalan iaitu adakah Kerajaan bercadang menyatukan proses pengambilan di antara murid-murid Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan ke dalam masalah kemasukan mereka ke sekolah-sekolah berasrama penuh. Adakah program?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa Yang Berhormat bertanya di Sekolah Rendah Kebangsaan adakah itu asrama penuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh tolong huraikan soalan sekali lagi supaya jelas.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya pada masa sekarang ini pemilihan ataupun peluang pelajar-pelajar untuk masuk ke sekolah asrama penuh lebih diutamakan kepada murid-murid Sekolah Kebangsaan daripada Sekolah Rendah Kebangsaan sedangkan pelajar-pelajarnya sama. Jadi sekarang ini adakah Kementerian Pelajaran menentukan supaya kedua-dua sekolah ini tidak ada kategori di dalam pemilihan. Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan cara pemilihan ke sekolah asrama penuh sama.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran boleh timbangkan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan sebab-sebab tidak ditukarkan Sekolah Rendah Kebangsaan ke Sekolah Kebangsaan kerana untuk mengelakkan lebih nama satu jenis

sekolah di satu-satu tempat. Jadi kalau ada Sekolah Kebangsaan, ada Sekolah Jenis Kebangsaan. Soalnya, adakah sekiranya tempat-tempat itu boleh dinamakan sekolah yang berlainan, misalnya Sekolah Rendah Kebangsaan dinamakan Sekolah Sultan Ismail umpamanya, bolehkah sekolah ini dikeluarkan daripada pentadbiran Sekolah Rendah Kebangsaan yang ada sekarang ini.

Soalan yang kedua, Yang Berhormat telah menyatakan untuk mengesan kemajuan sekolah, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih jelas, apakah yang dimaksudkan untuk mengesan kemajuan sekolah kerana setahu saya kurikulum sekolah ini adalah sama dengan Sekolah-sekolah Kebangsaan dan juga murid-murid yang datang pun dipersekitaran yang sama. Jadi, apa maksud kekesanan yang dikehendaki oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat perlu notis bagi menjawab atau hendak jawab sekarang?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jawab soalan yang pertama. Mengenai soalan yang pertama, tidak ada peraturan tertentu yang melarang pertukaran nama Sekolah Rendah Kebangsaan ke Sekolah Kebangsaan.

KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)

6. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam proses menggubalkan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Apakah objektif-objektif utama dan struktur KBSM. Bilakah ianya akan dilaksanakan. Bagaimanakah ianya dapat menggenapkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang sedang dilaksanakan sekarang.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) masih di peringkat perancangan. Setakat ini bidang-bidang kajiannya mata pelajaran telah ditentukan dan rangka kurikulumnya telah mula dibentuk. Objektif-objektif utama KBSM ialah seperti berikut:

Menekankan perkembangan pelajar-pelajar secara menyeluruh untuk melahirkan warganegara yang berhemah tinggi;

Untuk mewujudkan perpaduan rakyat dengan berpandukan Rukunegara; dan

Untuk menyediakan pelajar-pelajar supaya boleh menerima latihan dan pendidikan lanjutan bagi melahirkan tenaga manusia yang diperlukan.

Dalam struktur KBSM aspek akademik dan diperibadikan dengan aspek ko-kurikulum mengikut rancangan KBSM akan dilaksanakan pada tahun 1989.

Untuk menjamin keseimbangan di antara peringkat KBSR dan peringkat KBSM, bidang-bidang organisasi kurikulum yang terdapat dalam KBSR diteruskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan sudah habis.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 telah dibacakan Kali yang Ketiga

dan diluluskan dan Usul Anggaran Pembangunan, 1985 diluluskan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 telah dibacakan Kali yang Ketiga dan diluluskan dan Usul Anggaran Pembangunan tahun 1985 diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (*Hari Keenambelas*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 62 (Jadual)—

Maksud P. 62 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan 62 dan Maksud Pembangunan P. 62 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka semula untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pekan.

4.14 ptg.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada Maksud B. 62, Butiran 10 dan Maksud P. 62, Butiran (Projek) 1, 10 dan 14, muka surat 300 hingga 303.

Apa yang perlu saya bawa ke Dewan ini ialah mengenai dengan rancangan FELDA di kawasan saya khususnya di mana di negeri Pahang lebih kurang 1 juta ekar tanah telah diberi kepada FELDA untuk membuat rancangan-rancangan sejak mulanya rancangan FELDA diadakan semasa Lembah Bilut dijadikan projek pilot, dengan izin. Tetapi sejak akhir-akhir ini pemimpin-pemimpin kita begitu ghairah sekali masuk ke rancangan-rancangan oleh kerana ada anasir-anasir yang tidak sihat yang cuba meracuni peneroka-peneroka di sekitar rancangan-rancangan FELDA yang mana dahulunya semasa PAS masuk Barisan Nasional ditubuhkan cawangan-cawangannya di tiap-tiap tempat di mana ada minat terhadap parti ini. Tetapi sejak akhir-akhir ini keadaan berbeza di mana dengan adanya kebangkitan Islam di negara kita ini alhamdulillah syukur kita dapati di tiap-tiap rancangan, pihak pengurusan telah mengadakan pegawai yang dinamakan Penolong Pembantu Peneroka atau dengan lain-lain perkataan Pegawai-pegawai Agama di rancangan-rancangan.

Kelulusannya yang saya difahamkan ialah mesti mempunyai SPM dan kelulusan agama Sanawi 4. Tugas-tugas yang difahamkan juga ialah mengenai dengan program-program aktiviti-aktiviti rohaniah yang diadakan di rancangan-rancangan.

Apa yang saya perlu syorkan di sini ialah nampaknya bahawa pegawai-pegawai yang ditugaskan ini tidak begitu efektif di rancangan-rancangan menyebabkan ada sebaran-sebaran yang tidak sihat terhadap perpecahan umat Islam di rancangan-rancangan ini di mana diadakan syarahan, ceramah di rumah-rumah, tempat-tempat tertentu sehinggakan terdapat sebilangan daripada mereka ini telah diajak sembahyang Jumaat di bawah pohon-pohon kelapa sawit yang begitu rendang dan indah tidak lagi mereka ini mahu pergi sembahyang ke masjid-masjid yang sedia ada diadakan oleh pihak berkuasa.

Apa yang saya perlu tegaskan di sini bahawa perlantikan pegawai-pegawai ini hendaklah diselaraskan dengan Kerajaan Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri, di mana mereka ini akan ketahui keadaan-keadaan setempat, kadangkala saya sendiri tidak mengenali siapakah pegawai-pegawai agama ini yang menjalankan program-program dan rancangan-rancangan. Oleh kerana kita ketahui, maha ketahui bahawa soal agama adalah di bawah bidangkuasa Raja-Raja Melayu, maka di negeri-negeri begitulah keadaannya.

Saya berkehendakkan bahawa Kementerian ini membuat perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri terutama sekali Jabatan-jabatan Agama, di mana perlantikan-perlantikan pegawai-pegawai ini hendaklah diambil daripada peserta-peserta atau mereka yang datangnya dari negeri di mana rancangan-rancangan itu berasal. Oleh kerana dengan keadaan demikian, adalah persefahaman boleh

diwujudkan di antara penduduk di sekitar kawasan FELDA di daerah-daerah dengan peneroka-peneroka dan juga anak negeri bertempat di mana rancangan-rancangan itu berada.

Saya juga difahamkan bahawa di negeri Johor, betulkan saya sekiranya perkara ini tidak betul, bahawa Penolong Pembantu Peneroka-peneroka ini hendaklah diambil daripada anak-anak negeri Johor, tetapi di Pahang saya rasa kita adalah lebih liberal sedikit, tidak menekankan sangat, tetapi itulah keadaannya di mana kita memerlukan pegawai-pegawai ini dirunding dengan Kerajaan Negeri dilantik supaya kekesanan begitu mendalam sekali terhadap penyebaran agama kita, dakwah dan mubaligh boleh diadakan di rancangan-rancangan di mana terdapatnya kemungkinan Orang-orang Asli dimasukkan di rancangan-rancangan FELDA. Di kawasan saya tidak begitu ramai mereka ini, tidak silap saya lebih kurang 6 orang diuntukan di rancangan-rancangan tertentu.

Saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian apakah rancangan-rancangan masa depan supaya keadaan dan suasana peneroka-peneroka ini tidak digunakan oleh anasir-anasir untuk memecahbelahkan perpaduan di rancangan-rancangan FELDA ini.

Selain daripada itu saya suka menarik perhatian sedikit mengenai dengan pinjaman di bawah SEPENTAS di mana getah atau pokok-pokok getah lama telah ditebang tebas oleh pihak yang berkenaan dan diberi pinjaman di bawah SEPENTAS sebanyak \$60 seekar tiap-tiap bulan ataupun lebih sedikit dan saya rasa dalam tahun lepas, perkara ini tidak dijalankan di mana ditahan buat sementara waktu dan saya harap projek ini disemak semula supaya memberi kepuasan

kepada orang-orang kampung terutama tradisional, ada setengah-setengah daripada mereka menyampaikan kepada saya bahawa mereka ini sudah serik oleh kerana lain dijanji lain diberi.

Selain daripada itu sukaiah juga saya membawa masalah lori-lori hantu yang ada bertaburan di rancangan-rancangan FELDA. Sejak pertengahan tahun ini saya rasa ada dalam kawasan saya di mana lori-lori hantu ini tidak dapat keluar oleh kerana di pintu-pintu di mana setengah tempat itu lori hantu ini terpaksa menyeberangi lebuhraya-lebuhraya dan saya juga difahamkan bahawa di peringkat kebangsaan ada suatu komiti atau perjanjian di antara Koperasi FELDA, Polis, JPJ untuk memberi keistimewaan kepada lori-lori hantu ini oleh kerana lori-lori hantu ini hanyalah bergerak di dalam ladang-ladang kelapa sawit sahaja, sekali sekala, menjelma menyeberangi lebuhraya di mana kegunaannya ialah untuk membawa buah-buah kelapa sawit yang masak ke kilang-kilang. Kadangkala di satu ketika di mana rondaan begitu ketat dibuat oleh Polis, maka masalah buah-buah kelapa sawit ini, akan merugikan negara kita daripada segi pengeluarannya dan juga mengadakan satu suasana yang tidak sefahaman, tidak baik di antara pihak Polis dengan pihak peneroka-peneroka dan juga ahli-ahli koperasi ataupun tuanpunya-tuanpunya lori-lori hantu ini. Kita berharap sekali lagi bahawa Kementerian menyemak semula keadaan ini, satu penyelesaian haruslah diadakan di antara pihak Polis, JPJ dan Koperasi FELDA.

Satu perkara lagi yang menarik hati saya ialah perkara yang diumumkan oleh Kementerian atau Yang Berhormat Menteri tidak berapa lama dahulu mengenai dengan rancangan-rancangan untuk generasi yang kedua keluarga-keluarga peneroka ini. Oleh kerana rancangan FELDA setakat ini

telah mengalami perubahan di mana setengah-setengah tempat pokok-pokok baru ditanamkan dan terdapat generasi pertama peneroka ini telah tua dan perlu diambil alih oleh generasi kedua. Kita juga terdapat bahawa generasi kedua ini setengah-setengah tempat ada terlibat dengan ancaman dadah dan sebagainya, jadi kita berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya diadakan satu perancangan yang teliti, yang terperinci supaya generasi kedua ini akan menjadi warganegara yang berguna, yang bertanggungjawab kepada negara yang mengetahui dan berterima kasih kepada Kerajaan akan kemudahan-kemudahan yang ibu-bapa mereka tidak termimpi semasa mereka berada di kampung-kampung tempat asal mereka.

Seperkara lagi kita berharap peneroka-peneroka FELDA akan bersifat di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung, tidak seperti setengah-setengah tempat didapati bahawa mereka tidak tahu perkara-perkara semacam ini. Dan Kerajaan-kerajaan Negeri, umpamanya Kerajaan Negeri Pahang akan berterima kasih kepada peneroka-peneroka yang datang ke negeri itu di mana mereka ini berterima kasih kepada pihak Kerajaan telah memberi peluang untuk meneroka rancangan-rancangan ini. Di Negeri Pahang ramai lagi calon-calon peneroka yang tak dapat masuk ke rancangan FELDA dan kita tidak mahu mereka datang ke rancangan-rancangan ini membuat anasir-anasir, membuat kacau-bilau menyebabkan perpecahan di antara umat Islam dan masyarakat yang berada di rancangan-rancangan ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah yang dapat saya sampaikan pada petang ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit.

4.14 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 62, Butiran 2 iaitu Pentadbiran dan Perundangan Tanah, Program 2.1.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengemukakan masalah berhubung dengan pengambilan tanah ini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, iaitu seperti juga di masa-masa yang lepas selalu ditimbulkan masalah yang berbangkit ataupun perasaan kurang senang, perasaan tak puas hati di kalangan tuan-tuan tanah apabila tanah mereka terpaksa diambil oleh Kerajaan dengan tujuan untuk pembangunan di sesuatu kawasan, sama ada untuk pembinaan sekolah, pembinaan loji-loji air ataupun projek-projek Kerajaan yang lain. Jadi, perkara yang seperti ini telah banyak berlaku di masa-masa yang lepas dan sekarang ini pun terus berlaku dan mungkin akan berlaku terus-menerus masa yang akan datang. Yang menjadi masalahnya, pengambilan yang dilakukan itu kadang-kadang terus-menerus bagi satu-satu tuan tanah.

Misalnya, saya berikan contoh di kawasan saya lebih kurang 10 tahun yang lampau satu kawasan tanah yang luas asalnya 10 ekar telah diambil seluas 5 ekar untuk pembinaan kilang getah MARDEC. Kemudian pada tahun 1984, hujung tahun 1983 dan berakhir kejadian itu sehingga tahun 1984, tanah yang berbaki 5 ekar itu terus diambil lagi oleh Kerajaan untuk membesarkan projek MARDEC. Jadi, dengan pengambilan yang seperti ini sudah tentulah amat mengecewakan tuan tanah, di sanalah kebun buah-buahnya, kebun durian, langsung, rambutan dan sebagainya yang tidak dapat lagi dipertahankan apabila tiba masa Kerajaan hendak mengambil.

Kemudian, kalaulah sekiranya pampasan ataupun bayaran yang diberikan kepada tuan tanah itu berpatutan dengan nilai tanah dan nilai hasilnya mungkin akan dapat mengurangkan rasa kekecewaan tuan-tuan tanah ini, tetapi biarlah saya sebutkan angkanya iaitu seluas 5 ekar tanah diambil untuk membesarkan projek kilang getah MARDEC ini dibayar dengan harga hanya \$60,000 telah pun diusahakan. Jadi, perkara yang macam ini menimbulkan kemarahan tuan-tuan tanah dan kejadian ini berlaku terus-menerus seperti saya katakan tadi, menyebabkan banyak orang-orang kita yang dahulunya menyokong Kerajaan, lari daripada menyokong Kerajaan, ada yang masuk PAS, ada yang masuk DAP kerana mereka ini memang sentiasa mencari jalan mengapi-apikan orang-orang yang terlibat supaya masuk parti mereka walaupun orang yang terlibat itu tahu bahawa PAS dan DAP memang tak dapat hendak membela nasib mereka dalam masalah ini, tetapi kerana rasa kecewa mereka telah lari. Jadi, perkara yang macam ini kalau terus-menerus dibiarkan sudah tentulah akan merosakkan perpaduan yang ada di kalangan masyarakat-masyarakat di kampung.

Tuan Pengerusi, masalah pengambilan tanah ini juga rasa saya tentulah keadaannya sama berlaku di seluruh negara, tetapi saya berikan contoh di kawasan saya. Apabila Kerajaan hendak mengadakan bekalan air untuk Pasukan Tentera Laut di Lumut, maka mereka membuat loji air ini di Parit, di satu kampung yang bernama Telok Kepayang, maka diambillah kawasan tanah yang pada sebelum ini merupakan padang ragut, iaitu tempat penduduk-penduduk tempatan mengumpulkan binatang-binatang ternakan kerbau, kambing dan lembu untuk dipelihara di tempat tersebut. Jadi, tanah ini diambil kesemuanya

menyebabkan tidak ada tempat lagi bagi orang-orang kampung untuk meneruskan penternakan binatang mereka. Kemudian, yang menimbulkan rasa kurang senang, rasa kekecewaan mereka itu, bekalan air itu bukan untuk kawasan mereka tetapi untuk kawasan yang lain. Mengapakah tanah mereka yang begitu berguna diambil?

Saya telah pun berunding dengan Pejabat Daerah untuk mendapatkan ganti tanah seperti ini, tetapi apabila dikaji, disiasat, tak ada lagi tanah yang berbaki di tempat tersebut, yang paling dekat jauhnya 2 batu daripada kawasan tersebut. Jadi, bagaimanakah boleh binatang-binatang ternak yang selama hari ini dipelihara di tempat tersebut telah menjadi haru-biru, lepas ke sana ke mari tidak dapat dikawal. Jadi, masalah yang macam ini juga perlulah mendapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri supaya di masa-masa yang akan datang untuk mengambil tanah daripada orang ramai biarlah benar-benar tidak menimbulkan masalah yang boleh menimbulkan kemarahan, kekecewaan dan merumitkan kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Pengerusi, hanya itulah satu perkara sahaja yang saya hendak timbulkan dalam kesempatan membahaskan peruntukan Kementerian ini dan saya menyokong peruntukan yang diberikan.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjawab serta menggolong perbahasan di peringkat Jawatankuasa.

4.20 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya

ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan bagi Kementerian saya di bawah B. 62 untuk Belanja Mengurus dan P. 62 untuk Belanja Pembangunan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian ini ialah dipertanggungjawabkan untuk merancang, menyelaras serta melaksanakan dasar pembangunan dan penggunaan tanah secara maksima di peringkat Persekutuan dan Negeri. Dalam mencapai objektif tersebut Kementerian ini telah mewujudkan beberapa strategi untuk membasmi kemiskinan dan meninggikan lagi taraf hidup masyarakat di luar bandar selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pertanian Negara.

Anggaran Belanjawan 1985 Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah berjumlah \$1,264,874,460. Dari jumlah tersebut sebanyak \$393,409,500 atau 31% adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan 68.9% untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Dalam menjalankan tugas-tugas ini, Tuan Pengerusi, tentulah ada banyak masalah yang timbul dan seperti masalah-masalah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan semalam dan hari ini saya akan cuba memberi beberapa jawapan yang mampu oleh saya untuk membaiki lagi pengurusan dan usaha-usaha di bawah Kementerian saya.

Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menimbulkan masalah proses permohonan tanah untuk dibuat segera dan pengeluaran hakmilik dibuat segera di mana sekarang mengikut Yang Berhormat mengambil masa 5 ke 7 tahun dan petani yang mahukan QT sebagai bukti memiliki

tanah mendesak supaya proses ini dipercepatkan.

Dalam masalah ini Kementerian adalah berusaha untuk memberi latihan dan panduan kepada pegawai-pegawai tanah di peringkat daerah dan negeri supaya tunggakan permohonan tanah dikurangkan seberapa yang boleh. Dalam keadaan sekarang QT tidak dapat dikeluarkan jika tidak dipohon oleh tuan tanah. Walau bagaimanapun selepas pindaan Kanun Tanah Negara berkuatkuasa pada tahun hadapan iaitu kita akan tetapkan tarikh 1hb Jun, 1985, QT akan dikeluarkan sebaik-baik sahaja permohonan diluluskan dan bayaran dibuat oleh pemohon. Dengan pindaan tersebut masalah kelewatan mendapatkan hakmilik atau QT tidak akan berbangkit lagi dan tuan tanah tidak perlu lagi memohon mendapatkan QT.

Kementerian saya merasakan tidak perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa khas mengenai soal ini kerana butir-butir mengenai permohonan tanah seharusnya boleh didapati dari Pejabat Tanah, apatah lagi dengan pindaan ini QT akan dikeluarkan tanpa permohonan tetapi secara otomatis dengan syarat bayaran-bayaran yang tertentu telah pun diselesaikan

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat minta jalan atau membangkitkan Tertib Mesyuarat?

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak sebutkan bahawa permohonan itu adalah bermula daripada proses permohonan di Pejabat Tanah, bukan proses untuk mempercepatkan QT, tetapi proses permohonan bermula bagi seseorang pemohon. Itu yang lambat, memakan masa 5 hingga 7 tahun di peringkat Pemungut Hasil Tanah.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, maka itulah sebabnya pada awal saya telah menyatakan bahawa usaha-usaha untuk melatih pegawai-pegawai tanah di semua peringkat daerah dan negeri supaya tunggakan permohonan tanah dikurangkan seberapa yang boleh dan usaha-usaha seperti menggunakan komputer dan sebagainya sedang juga dirancang untuk mempercepatkan proses ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya soalan juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda terhadap masalah kelewatan dikuatkuasakan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984. Akta Pindaan Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 terpaksa dilewatkan kuatkuasanya kerana ianya merupakan penyemakan menyeluruh Kanun Tanah Negara. Ianya melibatkan juga penyemakan penterjemahan dan percetakan semula 48 borang-borang urusan tanah, Pekeliling-pekeliing KPTG terpaksa disemak dan dipinda di samping mengeluarkan pekeliing-pekeliing baru sesuai dengan pindaan-pindaan yang dibuat. Dalam hubungan ini kelulusan persidangan Pengarah Tanah dan Galian Semenanjung perlu diperolehi sebelum Pekeliing-pekeliing itu diterbitkan. Di samping itu pentadbir-pentadbir tanah perlu diberi panduan mengenai pindaan-pindaan tersebut. Selain daripada itu, seksyen latihan perlu menyampaikan panduan ini bagi menentukan kelicinan pelaksanaan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) ini.

Seterusnya Yang Berhormat juga menimbulkan masalah pecahan lot-lot secara haram sedang berlaku oleh golongan tertentu untuk dijual. Penjualan bahagian-bahagian tanah yang tidak ditukar syarat yang dipecah sempadan memang ada berlaku sekarang. Bakal-bakal pembeli hendaklah berwaspada dan berunding dengan penjual, nasihat dari Pejabat Tanah bolehlah didapatkan sebelum

membeli tanah. Walau bagaimanapun, selepas kuatkuasa Akta KTN (Pindaan) 1984, tanah-tanah pertanian tidak boleh dipindah-milik sehingga mengakibatkan syer-syer yang kurang daripada 2/5 hektar ataupun tidak kurang daripada satu hektar. Ini untuk mengekalkan pemegang yang lebih ekonomik, terutama sekali tanah-tanah petani.

Yang Berhormat dari Ulu Muda juga telah menimbulkan masalah penyampaian notis tuntutan cukai tanah dalam Borang 6A kepada tuan punya bersama ataupun dengan izin, co-proprietorship. Beliau juga mencadangkan supaya seseorang tuan punya bersama dibolehkan membayar cukai bahagian tanah masing-masing. Biasanya Pejabat Tanah akan mencuba sedaya upaya untuk menyampaikan notis tuntutan cukai kepada semua tuan punya bersama atau dengan izin co-proprietors. Jika masih gagal maka KTN membolehkan notis gantian atau substituted service, dengan izin, dibuat dengan ditampalkan di tempat-tempat awam atau atas tanah berkenaan.

Mengenai cadangan supaya seseorang tuan punya bersama dibolehkan membayar syer masing-masing tidak diperuntukkan oleh undang-undang, ianya juga sukar dilaksanakan kerana apabila ianya melibatkan perampasan tanah, peruntukan bagi merampas syer tanah tidak dapat melaksanakan. Walaupun begitu, idea itu boleh dikaji dengan lebih lanjut akan implikasi-implikasinya.

Seterusnya juga masalah penguatkuasaan kesalahan memindah bahan-bahan batu yang perlu dikemaskan telah juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Setiap orang yang hendak memindahkan atau mengangkut bahan-bahan batu diwajibkan mendapat permit dari Pejabat Tanah. Di samping itu di beberapa negeri sistem docket

digunakan bagi mengawal kuantiti bahan-bahan batu yang diangkut. Penguatkuasaan dibuat oleh Pejabat Tanah dengan kerjasama pihak polis dan peraturan-peraturan ini sedang diperkemaskan lagi dan kita berpendapat tidak perlu ada stesen-stesen yang ditempatkan di sepanjang jalan raya seperti Jabatan Hutan yang disyorkan oleh Yang Berhormat itu dilaksanakan untuk menguatkuasakan mereka yang mengangkut bahan-bahan batu dengan tidak ada permit.

Masalah membangkit soal penggunaan ruang udara juga telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda dan pada peringkat awal telah dicadangkan dalam masalah ini supaya ruang udara boleh dilupuskan sama seperti tanah. Setelah kajian lanjut dan mendapat pandangan perundangan dari Jabatan Peguam Negara, pindaan hanya dibuat supaya dibolehkan pengeluaran permit bagi menggunakan ruang udara selama tidak lebih dari 21 tahun. Ruang udara tidak boleh dilupuskan kerana ianya di luar daripada bidang Kerajaan Negeri. Dari sudut undang-undang ruang udara hanya boleh dinikmati dan bukan dimiliki.

Maka itulah sebabnya pelupusan tidak dapat diberikan dalam masalah memiliki ruang udara hanyalah permit sahaja dapat ditimbang. Bahkan dalam rumusan yang telah diberikan oleh Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara berpendapat bahawa cadangan ini melanggar peruntukan Perlembagaan kita kerana ruang udara terletak di bawah kedaulatan Kerajaan Persekutuan dan ianya bukanlah tanah yang boleh dilupuskan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri. Walaupun demikian, mesyuarat kedua dengan wakil-wakil Kerajaan Negeri telah meminta Jabatan Peguam Negara mengkaji semula kemungkinan diadakan peruntukan pelupusan ruang udara ini dan sekiranya peruntukan perundangan yang ada masih tidak

mengizinkan, maka sekurang-kurangnya peruntukan pengeluaran permit diwujudkan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga telah menimbulkan masalah kelewatan pelaksanaan peruntukan menyekat pemilikan tanah oleh warganegara asing. Pihak asing boleh membeli syarikat tempatan yang memegang tanah dan dengan itu dengan secara tidak langsung dapat memiliki tanah.

Dalam masalah peruntukan ini terpaksa dikuatkuasakan bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan lain dalam satu Akta yang sama bagi menyenangkan pelaksanaan. Tarikh kuatkuasa yang berbeza akan mengelirukan pentadbir-pentadbir tanah, di samping itu peruntukan ini perlu diteliti implikasi-implikasinya dari segi kesan ke atas pelaburan asing kemungkinan pihak asing membeli syarikat-syarikat tempatan yang memegang tanah memang boleh berlaku tetapi terbatas kepada syarikat-syarikat yang didaftarkan di negara ini sahaja. Dan baharu-baharu ini Majlis Tanah Negara telah membincangkan perkara ini dengan lebih teliti dan beberapa rumusan mengenainya sedang dihalusi untuk menjadi panduan kepada Kementerian dalam masalah terutama sekali pemilikan oleh warganegara asing. Dan kita telah memastikan dari segi jenis tanah pertanian, jenis tanah perindustrian dan juga perniagaan.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah juga mengambil bahagian dalam perbahasan terutama sekali dalam masalah permohonan "Strata Title" untuk bangunan bertingkat. Sejauh manakah Seksyen 151 (a) telah dikuatkuasakan dan banyak tuan punya bangunan belum memohon "Strata Title" dan dari segi Seksyen 151 (a), bahagian 6, masalah denda beliau juga berpendapat denda itu tidak cukup.

Tuan Pengerusi, mengikut maklum balas yang diperolehi setakat ini tindakan pendakwaan belum diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan terhadap pemaju-pemaju yang melanggar Seksyen 151 (a) Kanun Tanah Negara iaitu gagal membuat permohonan untuk memecah bahagian bangunan. Masalah yang dihadapi dalam soal penguatkuasaan Seksyen 151 (a) adalah masa dan tenaga yang diperlukan untuk mengumpulkan butir-butir tertentu seperti tarikh pengeluaran Sijil Kelayakan atau "Certificate of Fitness", dengan izin, Tuan Pengerusi, bagi bangunan-bangunan yang berkenaan untuk mengesan pemaju-pemaju yang gagal membuat permohonan dalam tempoh yang ditetapkan itu.

Maklumat tersebut hendaklah diperolehi dari Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam hal pelanggaran Seksyen 151 (a) oleh pemaju-pemaju pembeli-pembeli petak boleh membantu pentadbir tanah dengan membuat aduan terhadap pemaju-pemaju yang gagal membuat permohonan untuk hak milik strata. Ini akan membolehkan tindakan selanjutnya diambil oleh pentadbir tanah terhadap pemaju yang melanggar Seksyen 151 (a).

Ingin saya maklumkan di sini bahawa sebelum tindakan pendakwaan dapat diambil beberapa langkah-langkah dan prosedur-prosedur perlu dilalui dan ini akan mengambil masa.

Menyentuh hal denda yang dikenakan di bawah Seksyen 151 (a) bahagian 6 iaitu "amaun" tidak melebihi \$5,000 sekiranya disabit dan denda tambahan tidak melebihi \$1,000 setiap hari pelanggaran berterusan pihak Kementerian berpendapat bahawa "amaun" denda dalam peruntukan tersebut adalah memadai. Apa yang belum mencukupi bagi

pihak Kementerian ialah masalah penguatkuasaan yang agak belum dikemaskinikan dan Kementerian berharap dapat dikemaskinikan masalah penguatkuasaan untuk menentukan bahawa peraturan-peraturan dalam masalah pengeluaran "Strata Title" ini dapat dibuat dengan lebih berkesan lagi supaya dapat melindungi kepentingan pembeli-pembeli, penghuni-penghuni dan ada juga masalah-masalah yang lain dari segi ini terutama sekali dalam mengeluarkan "Strata Title" iaitu terutama sekali dalam tempoh memohon hak milik strata.

Masalah kelewatan memproses permohonan hak milik strata yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Masalah kelewatan memproses permohonan untuk hak milik strata title timbul kerana permohonan-permohonan yang dikemukakan tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan mengikut maklum balas yang diperolehi. Kelewatan memproses permohonan biasanya berlaku kerana permohonan-permohonan mempunyai masalah-masalah tertentu dan perlu dirujuk balik kepada pemohon-pemohon beberapa kali. Ini yang melambatkan urusan memproses permohonan. Bagi permohonan-permohonan yang sempurna iaitu yang mempunyai segala syarat-syarat yang dinyatakan Pejabat Tanah dapat memprosesnya dalam masa yang singkat dan hak milik strata dapat dikeluarkan. Bahkan dalam kes yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu saya telah siasat bahawa satu daripada belok flat itu telah pun dikeluarkan "Strata Title" hanya dua lagi dan maka itulah sebabnya timbul masalah pembayaran yang berbeza-beza. Dan ini juga kita sedang lihat kerana kita tahu pemaju ini mempunyai masalah dan telah juga dibawa ke pengetahuan Majlis Ukur Negara yang sedang melihat masalah ini juga.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan beberapa banyak bayaran yang diperlukan untuk mendapat hak milik strata. Pemaju mengambil kesempatan untuk mengenakan berbagai bayaran yang membebankan penghuni-penghuni.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini mengikut peruntukan Seksyen 153 Kanun Tanah Negara bayaran yang diperlukan semasa permohonan untuk hak milik strata dibuat adalah bayaran yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah Tanah Negara atau "State Land Rules" akan tetapi bayaran-bayaran lain yang dikenakan seperti bayaran Jurukur, Akitek adalah sampingan untuk menyiapkan pelan-pelan seperti pelan indeks dan pelan tingkat. Bagi permohonan untuk memecah bahagian bangunan berbilang tingkat dan ini ialah satu bayaran yang biasanya mengikut kaedah dan kadar yang ditetapkan oleh badan-badan profesional masing-masing.

Setelah permohonan diluluskan bayaran lain yang dikenakan adalah bayaran pelan, bayaran untuk hak milik berasingan bagi petak dan bayaran ukur yang tertentu untuk kerja-kerja ukur yang dikendalikan oleh Jabatan Ukur. Bayaran-bayaran tersebut adalah wajib sebelum hak milik berasingan dapat didaftarkan bagi petak-petak dalam bangunan berbilang tingkat.

Tuan Pengerusi, dalam masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai masalahnya ialah Akta Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Act, 1967, dengan izin, di mana ahli Yang Berhormat telah menimbulkan adanya masalah penyenggaraan Akta ini ataupun pelaksanaan Akta ini yang tidak berkesan sehingga beliau mencadangkan dimansuhkan sahaja Akta ini.

Kementerian telah menyiasat perkara ini dan telah menerima beberapa maklum balas mengenai penguatkuasaan Akta ini. Walaupun masalah padi adalah di bawah Kementerian Pertanian tetapi Akta ini diletakkan di bawah Kementerian saya untuk melaksanakan dan menguatkuasakannya.

Di antara sebab-sebabnya yang kita dapati dalam masalah ini ialah kurangnya penyewa-penyewa yang mendaftarkan kepentingnya dalam untuk menentukan haknya. Dan soal-soal seperti misalnya sampai sekarang tiada apa-apa perkembangan yang terdapat sehingga hari ini dari segi Akta Penanaman Padi, sepatutnya Akta ini diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan tidak ramai petani yang menyewa tanah mendaftarkan penyewaan dengan Pejabat Tanah dan juga penguatkuasaan Akta tidak berkesan.

Tuan Pengerusi, ramai petani yang menyewa tanah tidak mendaftarkan penyewaan kerana ada penyewa yang tidak mahu terikat dengan undang-undang supaya mereka bebas untuk bekerja di sektor lain seperti sektor perusahaan di mana pendapatannya lebih lumayan lagi. Terdapat juga kebanyakan penyewaan yang wujud berlaku di kalangan saudara mara dan kaum keluarga yang lebih cenderung untuk tidak terikat dengan perjanjian mengikut Akta.

Pegawai-pegawai Penguatkuasa yang tidak dapat membuat apa-apa terhadap sama ada tuan tanah ataupun pihak penyewa yang bersetuju dan berpakat sama-sama sendiri yang tidak hendak mendaftarkan perjanjian sewa mereka. Dari segi penguatkuasaan Akta Padi sehingga ini sebanyak 1,172 kes telah dibicarakan oleh Jawatankuasa Penyiasat dan di samping itu 437 kes telah dihadapkan ke mahkamah. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan pada

Akta tersebut di mana terdapat beberapa kesulitan yang membuat Akta ini kurang berkesan.

Sebagai contoh denda yang dikenakan bagi orang yang disalahkan adalah rendah dan tidak ada peruntukan di mana Pegawai Penguatkuasa boleh meminta kepada Mahkamah untuk memaksa tuan-tuan tanah membuat perjanjian sewa. Kementerian ini sedang mengkaji dengan lebih mendalam cadangan-cadangan untuk meminda Akta Padi ini supaya pelaksanaan akan menjadi lebih berkesan dan memuaskan kepada semua pihak.

Tuan Pengerusi, pada hari ini pula ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah juga mengambil bahagian dan memberikan pandangan yang bernas kepada Kementerian. Ahli Yang Berhormat dari Pekan telah menyentuh beberapa masalah FELDA di mana beliau berpendapat bahawa walaupun Kerajaan telah memberi banyak kemudahan, telah memberi harta tanah yang kadang kala meningkat \$200,000 bagi satu keluarga jika dalam kawasan yang maju seperti di Melaka misalnya di mana tanah lebih kurang harganya satu ekar lebih kurang \$15-\$20 ribu satu ekar dengan acquisition Kerajaan, dengan izin, maka bererti satu peneroka mendapat \$180,000 nilai tanah itu, tetapi masih juga terdapat peneroka-peneroka FELDA yang menentang dasar Kerajaan dan bukan sahaja menentang Kerajaan, kerana sebagai negara yang demokratik kita tidak menghalang rakyat yang memberi teguran dan mengkritik Kerajaan dengan membina dalam sistem demokrasi tetapi mereka menentang dasar yang telah dibuat oleh Dewan yang mulia ini dan menidakkan beberapa dasar yang telah kita buat, yang sengaja diada-adakan oleh pihak peneroka itu terutama sekali yang telah diracuni dan dihasut oleh parti-parti pembangkang terutama sekali PAS yang ingin melihat perpecahan

dalam masyarakat di FELDA dan masyarakat seluruh negara. Kita telah cuba mengatasi perkara ini dengan memperuntukkan pegawai-pegawai khas yang dinamakan Pegawai Pembangunan Peneroka (Settlers Development Officers) dan juga Penolong Pegawai Pembangunan Peneroka yang kita khususkan di bidang agama dan juga kita khususkan di bidang aktiviti-aktiviti wanita.

Saya sedang melihat kemudahan-kemudahan latihan untuk pegawai-pegawai ini untuk menghadapi masalah-masalah, baru-baru ini yang telah timbul dalam rancangan-rancangan FELDA yang telah pun dirancang di beberapa seminar, simposium dan termasuk beberapa siri latihan untuk pegawai-pegawai ini dan juga meninjau kurikulum latihan seperti misalnya perlu mengetahui masalah komunikasi massa dengan pada dasarnya sebagai pegawai extension, masalah pengembangan juga sedikit sebanyak masalah keselamatan terutama sekali dari segi asas perang saraf supaya dapat mendekati masalah itu dan memenangi hati dan fikiran peneroka FELDA supaya bersyukur kepada Kerajaan yang telah dapat memberikan nikmat ataupun kemudahan yang begitu lumayan sehingga memang diletakkan satu tempat yang istimewa sehingga menjadi iri hati ataupun menjadi ketidakpuasan hati mereka yang tidak dapat menyertai rancangan-rancangan FELDA ini.

Dari segi perlantikan pegawai-pegawai ini, pihak FELDA dan saya sendiri sentiasa berunding dengan pihak Kerajaan Negeri, bukan sahaja perundangan itu dibuat dalam perlantikan pegawai, kita juga berunding dalam masalah menentukan peneroka, kita juga berunding dalam masalah perlantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Rancangan di FELDA, dengan berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Pihak

Kerajaan Negeri sentiasa memberikan kerjasama dalam masalah ini dan kita harap dengan adanya pandangan-pandangan dan pendekatan-pendekatan baru dari segi melatih semua pegawai ini, masalah mereka yang meracuni fikiran peneroka-peneroka FELDA dapat diatasi.

Dalam masalah pinjaman SEPENTAS, Tuan Pengerusi, pemberian bayaran SEPENTAS yang telah dibekukan untuk sementara dalam tahun 1983, tetapi projek ini telah diteruskan dan sedang berjalan lancar pada ketika ini dan saya sendiri telah minta dilicinkan lagi projek SEPENTAS ini supaya dapat membantu terutama sekali dari segi usaha-usaha menggalakkan pekebun-pekebun kecil getah menanam semula getah supaya dapat meningkatkan pendapatannya kerana getah yang tua tentu sekali tidak dapat mendatangkan hasil yang cukup yang sewajarnya untuk menampung hidup yang kian meningkat ini. Dan saya memang tidak setuju pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pekan bahawa lain dijanji lain diberi—tidak. Kerana apa yang kita janji, itulah yang akan kita beri, bahkan telah kita beri lebih daripada yang dijanji pun ada.

Masalah lori-lori hantu, Tuan Pengerusi, lori-lori yang digunakan oleh koperasi peneroka FELDA yang menggunakan lori-lori yang disebut hantu itu, kerana lori-lori kebanyakannya menggunakan jalan-jalan ladang. Masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pekan sebenarnya adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, kita sedang membantu koperasi-koperasi peneroka FELDA ini untuk memudahkan mereka dari segi terutama sekali melintasi jalan-jalan awam, jalan raya supaya tidak menimbulkan bahaya dan risiko dan juga tanggungan masalah insurans dan

sebagainya sekiranya berlaku kemalangan dan sebagainya. Ini sedang kita perhatikan.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan masalah ancaman dadah di kalangan generasi kedua itu. Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya mengucapkan syabas kepada anak-anak FELDA, kalau mengikut perangkaan sebenarnya ancaman dadah di kalangan anak-anak FELDA tidaklah memeranjatkan, tidaklah membimbangkan, merunsingkan, kerana setakat ini yang kita telah kenal pasti hanya dalam dua-tiga rancangan yang perkara ini telah dapat menembusi anak-anak muda di kalangan generasi kedua FELDA. Tetapi pada keseluruhannya rekod FELDA dari segi ancaman dadah masih boleh dibanggakan dan saya ingin mengucapkan syabas kepada Pegawai-pegawai FELDA terutama sekali Pengurus-pengurus Rancangan dan juga Pegawai-pegawai Pembangunan Peneroka sendiri di samping pentadbiran FELDA dan juga Pegawai-pegawai Kementerian yang sentiasa pergi melawat di kawasan-kawasan rancangan untuk menentukan bahawa tidak ada timbul masalah-masalah ancaman moral ataupun dadah.

Dan dari segi peranan Kementerian untuk membantu masalah generasi kedua ini sedang dipesatkan. Saya sedar bahawa kalau tidak kita bendung daripada sekarang terutama sekali untuk menyediakan kemudahan-kemudahan pekerjaan, kemudahan-kemudahan pelajaran dan juga kemudahan-kemudahan sosial dan sebagainya maka itulah sebabnya kita bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain menyediakan sekolah-sekolah, bahkan ada rancangan-rancangan FELDA, dalam gugusan-gugusan telah pun ada sekolah-sekolah menengah. Dan ada atas inisiatif sendiri telah mengadakan

asrama di peringkat gugusan seperti di Bukit Mending di mana disediakan satu bangunan atau rumah peneroka yang tidak digunakan untuk menempatkan anak-anak daripada rancangan-rancangan yang berdekatan untuk meneruskan pelajarannya dalam sekolah menengah tersebut.

Di samping itu juga FELDA merasa bangga dapat menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran seperti asrama-asrama di tiga buah pekan iaitu di Kuala Lumpur, di Johor dan di Kuantan. Di Kuala Lumpur, asrama ini menampung lebih kurang 400 lebih penuntut. Kita bangga bahawa 57 daripada murid tahun 1983 telah dapat Grade 1 dan 53 daripadanya telah dapat dihantar ke luar negeri. Dan ini semuanya penyediaan-penyediaan bagi menampung, membendung ataupun mengatasi masalah generasi kedua FELDA di samping latihan-latihan vokasional tempatan seperti di Trolak dan juga memikirkan pembangunan yang lebih positif iaitu meningkatkan pembangunan-pembangunan "growth centres" yang baru dalam gugusan-gugusan itu seperti mengadakan pusat-pusat bandar dan juga industri-industri kampung untuk menyediakan pekerjaan bagi generasi kedua FELDA. Bahkan yang pasti bahawa Kementerian dan FELDA khususnya sedang menepati strategi keempat Dasar Pertanian Negara iaitu pembangunan sosial dan institusi ialah untuk menentukan bahawa institusi-institusi dan kepercayaan dan pegangan yang lebih baik, yang lebih positif terhadap peningkatan taraf hidup mereka, dari taraf pertanian mungkin kepada taraf perindustrian dan mungkin seterusnya kepada "Tertiary Sector", dengan izin, iaitu menyediakan services industries berdekatan dengan kawasan-kawasan FELDA walaupun sudah ada juga masalah-masalah tidak cukup tanah untuk menempatkan generasi-generasi kedua yang sudah berumahtangga.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menimbulkan masalah pengambilan balik tanah. Dalam masalah pengambilan tanah ini, rasionalnya, dengan izin, ataupun falsafahnya ialah "it is the price of development", dengan izin, di mana kita mestilah membuat beberapa korban yang perlu untuk membangunkan negara. Dan pengambilan-pengambilan tanah memang tidak dapat dielakkan tetapi seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengambilan tanah memang diusahakan oleh Kerajaan di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah di mana Kerajaan menjamin pampasan yang wajar dan juga atas tujuan-tujuan yang tertentu iaitu untuk public purposes tetapi kita tidak dapat mengelak misalnya ada kala seperti Yang Berhormat timbulkan masalah pengambilan tanah untuk kilang MARDEC di mana lima ekar telah dibayar \$60,000. Ini hak si pemilik tanah yang boleh membuat tuntutan kepada pihak mahkamah supaya dispute ataupun membawa ke mahkamah untuk menentukan harga yang lebih wajar, harga yang lebih adil kerana memang menjadi dasar Kerajaan dan dilindungi hak dalam Perlembagaan negara bahawa hak untuk memiliki tanah, memiliki harta ini satu hak yang dilindungi oleh Perlembagaan maka Akta keluar untuk memelihara kedua-dua pihak, kepentingan Kerajaan untuk membangun negara dan juga kepentingan rakyat untuk memiliki harta. Dan hak Kerajaan untuk mengambil balik harta ini memang tidak boleh dipersoalkan.

Apa yang boleh dipersoalkan oleh pemilik tanah ialah harga pampasan yang diputuskan oleh Kerajaan terutama yang bergantung kepada terutama sekali pampasan ini bergantung kepada valuation ataupun penilaian yang dibuat oleh pihak Penilai yang bertauliah, terutama sekali di segi penilaian Kerajaan dan

apa juga ketidakpuasan hati dari segi harga ini boleh dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan pampasan yang adil. Tetapi masalah pembangunan mesti diteruskan. Sama ada perancangan itu wajar atau tidak, ini boleh kita sama-sama lihat seperti misalnya dari segi Loji Air di Padang Ragut untuk TLDM ini tentu agaknya ada perhitungan-perhitungan teknikal di mana gradient ataupun kecerunan itu perlu difikirkan supaya pressurenya cukup dan sebagainya ataupun agaknya mungkin perancangan ini jangka panjang untuk kemudiannya menampung pembangunan di sekitar kampung itu juga.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan memberikan pandangan-pandangan yang begitu bernas terhadap Kementerian saya dan saya yakin terutama sekali pandangan Yang Berhormat dari Ulu Muda yang cukup minat terhadap pentadbiran tanah. Kerana kita sedar, tanah sebagai satu sumber yang terpenting dalam pembangunan negara. Ingin saya petik pandangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam mempengerusikan mesyuarat Majlis Tanah Negara baru-baru ini bahawa beliau mahukan satu Kanun Tanah Negara yang progresif yang mampu menerima semangat pembangunan yang pesat pada hari ini. Maka itulah sebabnya Kementerian dengan agensi, Ketua Pengarah Tanah dan Galian sedang meninjau dengan lebih rapi lagi Kanun Tanah Negara supaya dapat menyahut semangat yang ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Majlis Tanah Negara supaya kita dapat wujudkan akhirnya satu Kanun Tanah Negara yang lebih progresif terutama sekali pembangunan yang pesat dalam

bandar untuk menampung masalah-masalah "Strata Title" dan sebagainya.

Di samping itu juga dari segi pembangunan tanah dan pembangunan rancangan wilayah, kita sedang melihat bagaimana kemampuan Kementerian dari segi "social engineering" terutama sekali kerana kita telah terkenal dengan kejayaan-kejayaan dalam pembangunan fizikal. Tetapi di dalam pada itu ada juga masalah-masalah penentangan Kerajaan yang berlaku dalam rancangan-rancangan yang dapat manfaat yang sepenuh yang lebih daripada patut menentang Kerajaan. Ini kita sedang meninjau apakah silapnya, di manakah salahnya, apakah tidak cukup "social engineering programme", dengan izin, supaya kita dapat baiki lagi.

Dan hanya saya lupa bahawa ada satu lagi soalan yang ditimbulkan masalah iaitu ada suatu kes yang bertentangan dengan faraid apabila tanah itu dikeluarkan dengan secara sah. Saya ada bawa potongan daripada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia iaitu mengadakan perkongsian milik yang ramai ke atas tanah pertanian kerana tujuan Kanun Tanah Negara—Kementerian ialah untuk membolehkan akhirnya yang difaraidkan bukan hak atas tanah itu—syer-syer untuk difariad atas tanah itu tetapi ialah digantikan dengan nilai wang. Maka Jawatankuasa telah mengambil ingatan bahawa, pertama pembahagian harta pusaka yang bercorak tanah yang tidak dapat diselesaikan secara hakiki maka pihak berkuasa bolehlah menyelesaikan dengan apa-apa cara jua yang sesuai dan munasabah mengikut hukum syarak.

Kedua, dalam Islam pembahagian harta pusaka merupakan syer—saham dan sekiranya tidak mendatangkan faedah, pemerintah bolehlah

menggunakan kuasanya dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut tanpa mendapat persetujuan dari semua waris. Dan keputusannya berdasarkan kepada pandangan serta kata sepakat seperti di atas, maka Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bersetuju dengan cadangan pihak berkuasa Jabatan Tanah dan Galian untuk mengadakan pemilikan tanah pertanian seluas setengah ekar kepada seorang pemilik sahaja walaupun Jawatankuasa Fatwa membenarkan setengah ekar kepada seorang pemilik bahkan dalam revision yang baharu ini telah kita tingkatkan kepada satu ekar.

Jadi, dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong peruntukan bagi Belanjawan Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$393,409,500 untuk Maksud B. 62 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$393,409,500 untuk Maksud B. 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$871,464,960 yang disebutkan dalam Maksud P. 62 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$871,464,960 untuk Maksud P. 62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B. 63 (Jadual)—

Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan 63 dan Kepala Pembangunan 63 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Baling.

5.04 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang mana telah membenarkan saya turut serta membahas peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang berjumlah sebanyak \$736,845,140. Menerusi Dewan yang mulia dan peluang keemasan ini, saya menarik perhatian Maksud Bekalan B. 63 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Butiran 4—Majlis Amanah Rakyat (MARA), muka surat 309.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada tujuan MARA untuk menolong dan melatih anak bumiputera dalam bidang mempertingkatkan dan meninggikan lagi bidang perniagaan dan perusahaan sama ada kecil atau besar di dalam bandar atau luar bandar. Pada hemat saya, berdiri dan mengadakan kedai-kedai kembar dan gerai-gerai yang lebih selesa di tempat yang lebih sesuai dan berpotensi hendaklah didirikan oleh MARA. Dan diharap Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis-majlis Tempatan hendaklah memberi kerjasama yang benar-benar supaya tempat-tempat yang dibuat dan dibina untuk tujuan rumah kedai dan gerai itu mendatangkan menafaat dan daya hidup satu-satu perniagaan akan terjamin.

Bagi kawasan saya terdapat banyak peniaga-peniaga yang berhajat dan

berkehendakkan dalam bidang pembinaan gerai dan rumah-rumah kedai ini iaitu di Pekan Kupang, Kuala Pegang dan juga Parit Panjang. Oleh itu diharaplah pihak Kementerian khususnya MARA dapat membina kerana tempat-tempat yang dicadangkan ini telah pun dilawati oleh Yang Berhormat Pengerusi dan juga bekas Pengerusi MARA di masa mereka membuat lawatan ke Baling.

Tuan Pengerusi, dalam masalah yang kedua iaitu MARA juga saya berharap pihak Kementerian hendaklah membuat penyiasatan dan mengkaji sedalam-dalamnya kenapa ada di antara anak-anak syarikat MARA di bawah kumpulan MARA Sdn. Bhd. didapati tidak begitu aktif dan ada yang rugi dalam menjalankan perniagaan dan perusahaan yang begitu lembab sekali. Mungkin dengan sebab pengurusannya lembab ataupun prestasi pekerja-pekerja lemah tidak dapat dikawal ataupun ada yang tidak menjalankan tugasnya dengan betul ataupun penyelewengan pada usaha-usaha yang dikehendaki. Hasil dari ketidak betul ataupun tidak amanah dan ketidak cekap atau peluang-peluang perniagaan begitu sempit sekali ataupun mungkin juga dengan kekurangan modal. Kepada anak-anak syarikat yang berjaya, saya mengucapkan tahniah agar dapat diusahakan lebih lagi.

Saya percaya dengan adanya penyiasatan yang rapi dan pengawasan yang sungguh-sungguh semua anak-anak syarikat ini akan dapat bergerak dengan baik dan hidup semula yang mana akan membuat keuntungan yang lumayan di samping dapat memberi pekerjaan kepada belia-belia dan melatih mereka untuk menjadi peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha yang terkenal di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, masalah yang ketiga saya suka menarik perhatian bagi Butiran 20, muka surat 312 iaitu

Bekalan Air luar Bandar: (i) negeri-negeri, peruntukan sebanyak \$31,441,500.

Seperti kita termaklum kemudahan asas seperti air adalah perlu terutama sekali di kawasan luar bandar yang mana kita terkenang mereka tinggal di kampung-kampung kadang-kadang berjauhan dari jalanraya, di tepi-tepi sungai, lering-lering bukit kadangkala terdapat berjauhan di antara sebuah rumah dengan rumah yang lain. Ini semua apa boleh buat keadaan telah bergitu. Tetapi sudah sampai masanya penduduk-penduduk luar bandar tidak lagi akan menggunakan air sungai dan anak-anak sungai untuk diminum dan digunakan pada hariannya, melainkan kita berharap dari telaga yang bersih dan dari bekalan air Kerajaan yang lebih bersih sama ada bekalan biasa atau bekalan air masyarakat. Di kawasan saya didapati banyak kawasan yang boleh dibekal air masyarakat jika mendapat peruntukan dari Kementerian, pihak rakyat sanggup bergotong-royong iaitu di Kampung Legong, Kampung Rambong, Kampung Lanai dan Kampung Wing dalam daerah Baling.

Bagi bekalan air biasa dari JKA dan dicadangkan hendaklah dilaksanakan segera dan diharap skim bayaran insuran hendaklah diberi untuk memudahkan rakyat luar bandar yang miskin menyertai bekalan air dalam skim ini.

Tuan Pengerusi, yang keempat, saya menarik perhatian Maksud Pembangunan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Butiran 17—Bekalan elektrik Luar Bandar.

Saya percaya pihak Kementerian telah sedar banyak di antara kemudahan seperti jalan, bekalan elektrik, air, dapat dilipatgandakan bagi kawasan-kawasan yang sedia ada kemudahan dalam bandar dan menarik, tempat-tempat kediaman

yang sedia ada kemudahan dan tempat-tempat perusahaan tetapi bagi membekal di kawasan luar bandar dan terpencil adalah sukar sekali dan sengaja kadang-kadang dilambatkan-lambatkan pelaksanaannya.

Tuan Pengerusi, sudah sampai masanya bagi penduduk-penduduk luar bandar juga mendapat kemudahan yang seumpama dan mendapat nikmat kemudahan asas ini. Oleh itu, diharap pihak Kementerian akan melaksanakan projek-projek bagi kampung-kampung di kawasan saya di Baling iaitu bagi Kampung Parit Panjang, Lanai; Paya Besar, Mengkuang Kijang dan Embing; Keledang Tawar dan Benjol dan juga di Teluk Rambong di mukim Siong kerana kawasan ini penduduknya ramai dan rakyat mempunyai sifat yang taat setia kepada Kerajaan dan sentiasa berharap sesuatu dari Kerajaan terutama sekali di bidang kemudahan asas api dan air.

Bagi Butiran 26—Jalan-jalan Keselamatan (termasuk Kasban). Saya berharap Kementerian dapat berusaha sama dengan JKR dapat menaiki taraf jalan itu dengan mengetarkan sebatang jalan tanah merah yang telah dibina 15 tahun yang lalu yang mana belum ditar lagi, yang mana jalan tersebut dibina dengan kerjasama D.O. dan juga pihak JKR yang mana sekarang ini belum lagi ditarkan.

Memandangkan kepada ramai penduduk dan kegunaannya adalah sangat-sangat diperlukan untuk kanak-kanak berulang-alik ke sekolah dan penduduk-penduduk mengurus kerja dan mengeluarkan hasil mahsul mereka iaitu jalan di Batu 14½, Jalan Weng ke Sungai Limau melalui Kampung Jalan Weng, Mukim Pulai, hanya sejauh 5 batu sahaja. Antaranya juga kawasan ini dalam kawasan KASBAN iaitu kawasan keselamatan di perbatasan.

Buat masa ini, Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kementerian dapat memenuhi beberapa jawatan di peringkat negeri dan juga daerah iaitu bagi Jabatan KEMAS kerana ada terdapat kekosongan. Umpamanya di kawasan saya sendiri, satu jawatan penyelia Daerah belum lagi dipenuhi, oleh kerana memandangkan peranan KEMAS adalah penting dan mustahak untuk pembangunan rakyat, khususnya rakyat di luar bandar.

Sekian, saya menyokong belanjawan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

5.11 ptg.

Tuan Justine anak Jinggut (Ulu Rajang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Maksud P. 63 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, muka surat 311, Butiran 18 Bekalan Elektrik Luar Bandar yang berjumlah \$12,500,000 dan Butiran 21 Bekalan Air Luar Bandar, Sarawak yang berjumlah \$1,050,000, muka surat 312.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana bermurah hati untuk memperuntukkan wang yang sebanyak ini. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Kementerian berkenaan kerana pandangan mereka yang murah hati ini demi untuk membangunkan rakyat luar bandar yang begitu jauh ketinggalan dari segi pembangunan.

Tuan Pengerusi, tidak dapat dinafikan bahawa kehidupan rakyat Malaysia di luar bandar masih lagi di dalam kemiskinan. Sejak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ditubuhkan berbagai projek telah dilaksanakan untuk

menaikkan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar. Walau bagaimanapun, banyak lagi penduduk-penduduk di luar bandar khususnya di Sarawak seperti di kawasan saya sendiri, belum lagi mempunyai kemudahan asas seperti elektrik dan bekalan air, seperti apa yang mereka kata "buah Merdeka".

Tuan Pengerusi, saya ingin menumpukan ucapan saya kepada pelaksanaan projek di luar bandar. Peruntukan sebanyak \$12,500,000 itu adalah banyak. Peruntukan yang sebanyak ini kalau digunakan dengan betul boleh memberi kemudahan asas kepada beribu-ribu penduduk di luar bandar. Apa yang telah berlaku di Sarawak ialah pembahagian bekalan elektrik dengan tidak ada keadilan. Kadang-kadang di satu Bahagian mempunyai 10 set generator tetapi di satu Bahagian lain hanya mempunyai 1 sahaja. Tetapi yang sebenarnya semua Bahagian luar bandar Sarawak memerlukan bekalan elektrik. Ini adalah berlaku oleh kerana sikap "one-sided", dengan izin, Tuan Pengerusi, oleh orang yang bertanggungjawab di peringkat Negeri.

Apa yang perlu sekarang ialah untuk Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk monitor, dengan izin, pembahagian projek ini seperti bekalan elektrik ini di luar bandar supaya pemberian projek ini diadakan dengan adil dan bukan untuk kepentingan politik sesiapa. Apa salahnya kalau Kementerian yang bertanggungjawab monitor pemberian projek tersebut. Yang saya tahu peruntukan projek tersebut adalah diberi oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan sepatutnya Kementerian tersebut mestilah tahu bagaimana peruntukan tersebut digunakan dan kepada siapakah projek tersebut diberi dan tidak patutlah Kementerian berkenaan hanya memberi

peruntukan dan membiarkan sahaja bagaimana peruntukan tersebut digunakan.

Saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada Pengarah Kemajuan Negeri Sarawak kerana pandangan beliau yang mempunyai niat dan memahami keadaan penduduk-penduduk luar bandar, khususnya kepada kepentingan kaum bumiputera di Sarawak.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, ialah mengenai taraf luar bandar. Luar bandar di Sarawak sepatutnya dibahagi kepada dua bahagian. Yang pertama ialah kawasan luar bandar yang dapat dihubungi dengan jalan di mana tempat-tempat seperti ini mempunyai electric lines, dengan izin, dan yang kedua ialah kawasan luar bandar yang tidak dapat dihubungi dengan jalan, seperti kawasan-kawasan Ulu Julau, Ulu Ketibas, Ulu Rajang, Ulu Baram dan sebagainya.

Kepada kawasan luar bandar yang pertama itu, untuk memberi kemudahan elektrik tidak boleh hanya menyambung kepada, dengan izin, "main electricity line", tetapi kepada kawasan luar bandar yang kedua macam mana kita hendak menyambung. Jadi apakah priority yang sepatutnya digunakan untuk memberi bekalan elektrik di luar bandar di Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya juga telah diberitahu oleh penduduk-penduduk di kawasan saya, pembelian enjin elektrik yang "secondhand", dengan izin, ada berlaku. Jadi saya berharap Kementerian yang bertanggungjawab dapat menyiasat perkara ini, bagaimanakah ia boleh berlaku dan bagaimanakah kita dapat menghentikan masalah tersebut.

Mengenai Butiran 21 iaitu Bekalan Air Luar Bandar di Sarawak, saya ingin menyebut di sini mengapakah ia perlu, khususnya di kawasan luar bandar di dalam kawasan saya sendiri.

Satu sebab, Tuan Pengerusi, ialah pencemaran di sungai-sungai (water pollution). Kebanyakan sungai-sungai besar di kawasan saya sekarang mengalami pencemaran. Sungai ini mengandungi tanah oleh sebab aktiviti-aktiviti membalak dan hendak mandi sekarang pun tidak berani, apa lagi kalau kita hendak minum air sungai. Air sungai itu seperti air Milo, kalau hendak cuci baju

Tuan Pengerusi: Air apa Yang Berhormat?

Tuan Justine anak Jinggut: Seperti air Milo (*Ketawa*). Kalau hendak cuci baju yang berwarna putih, baju itu kalau sudah dicuci tidak lagi berwarna putih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, masalah ini adalah serius. Saya berharap Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dapatlah memberi priority bekalan air kepada kawasan seperti ini. Penduduk-penduduk di kawasan saya adalah menjadi, dengan izin, the victim of circumstances.

Saya juga menyeru Kementerian tersebut untuk pergi ke sana dan melihat dengan sendirinya. Kalau dapat saya berharap Kementerian berkenaan dapat memberi "special fund", dengan izin, supaya kawasan luar bandar yang terlibat dengan pencemaran ini dapatlah diberi bekalan air dengan secepat mungkin demi untuk kepentingan orang luar bandar yang miskin.

Saya menyokong peruntukan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.18 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya hanya akan mengambil sedikit masa pada

hari ini untuk membahaskan peruntukan-peruntukan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, di bawah Maksud B. 63, Butiran 1 iaitu Pentadbiran Am.

Sebagai sebuah Kementerian yang mempunyai hubungan langsung dengan pembangunan masyarakat desa, saya rasa saya sebagai Wakil Rakyat dari kawasan Ulu Muda, tentulah mempunyai sedikit sebanyak pandangan terhadap Kementerian ini dan beberapa permohonan dan beberapa cadangan mungkin akan saya kemukakan untuk pandangan dan pertimbangan pihak Kementerian.

Di bawah Butiran 1 Pentadbiran Am, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini adalah merupakan satu Kementerian yang mustahak dan penting. Walaupun begitu, jumlah pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian ini hanyalah berjumlah 80 orang. Saya tidak hendak mencadangkan untuk tambahan pegawai-pegawai kepada Kementerian ini, tetapi malahan ini adalah merupakan satu contoh yang baik, yang perlu diikuti oleh semua Kementerian. Jika sekiranya 80 orang boleh menjalankan usaha dan kerja-kerja dengan baik, tugas yang sempurna dan dapat menunjukkan kemajuan yang istimewa, maka ianya bolehlah dicontohi oleh semua Kementerian.

Keseluruhan kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan sekarang ini yang berjumlah 1 juta orang yang membawa nisbah 1:15 orang sekarang ini merupakan satu tanggungan yang berat kepada Kerajaan. Di dalam usaha Kementerian untuk meninggikan taraf masyarakat desa dengan berbagai-bagai rancangan, program-program yang dirancang mestilah mendapat perhatian dan sanjungan daripada semua ahli masyarakat, termasuklah usaha untuk

meninggikan mutu pembinaan, pembaikan kraftangan misalnya. Sekarang cuma saya hendak minta supaya diadakan pusat-pusat pengumpulan di daerah-daerah supaya semua hasil-hasil ini dapat dijual di satu daerah, dipungut dan dihantar ke pusat pemasaran di Kuala Lumpur.

Sekarang saya hendak masuk sedikit kepada Butiran 2—Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa, muka surat 309. Saya akan membahaskan di bawah tajuk ini bersama-sama dengan Butiran 1—Kemajuan Masyarakat dan Butiran 2, P. 63—iaitu Kutub Khanah Luar Bandar, kerana ianya mempunyai kaitan bersambungan di antara satu sama lain, iaitu dalam soal pembangunan masyarakat. Ini satu usaha yang amat penting bagi diteliti, dikaji dan dilihat oleh Kerajaan untuk kita

Tuan Sim Kwang Yang: *(Bangun).*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan?

Tuan Sim Kwang Yang: Tertib Mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Tidak cukup kuorum, sila bilang dahulu. 17 Ahli hadir. Tidak cukup kuorum, sila bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 30 Ahli hadir).

Tuan Pengerusi: 30 sudah mencukupi. Sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih. Yang Berhormat dari Kuching ini selalu kacau orang. Apabila sudah kacau, dia cari kes lain pula lain kali.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuching minta jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Adalah menjadi tanggungjawab Barisan Nasional untuk membekalkan kuorum dalam Dewan yang mulia ini. Bukan saya kacau. Oleh kerana itu sikap yang kurang bertanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional, itulah sahaja baru membangkitkan perhatian Tuan Pengerusi. (*Disampuk*).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan melemparkan perkataan-perkataan begitu sama-sama sendiri, hendak bangun, bangun, hendak cakap kata DAP, ada dua orang pun bangunlah, boleh bangun, tetapi minta kebenaran saya. Sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak mencadangkan supaya Yang Berhormat dari Kuching carilah kes lain. Kita pun bertanggungjawab tetapi DAP pun tengok, berkilat, licin, Ketua Pembangkang yang selalu ada yang selalu kacau Dewan ini pun tidak ada. Kalau hendak kacau tak usahlah, macam kanak-kanak sekolah, boleh keluar minum kopi.

Tuan Pengerusi, saya hendak menjelaskan bahawa tugas untuk membangunkan masyarakat desa itu untuk memberi pelajaran (to educate) ahli-ahli masyarakat desa ini adalah perlu diberi pertimbangan. Setakat generasi yang ada sekarang ini masih lagi masyarakat memerlukan bimbingan daripada Kerajaan. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih setakat ini kerana pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui aktiviti-aktiviti KEMAS yang telah pun dijalankan, menunjukkan sedikit sebanyak perkembangan yang baik ke arah untuk menyampaikan pelajaran kepada masyarakat desa.

Saya hendak menyentuh sedikit mengenai rancangan desa usaha yang telah pun begitu lama dijalankan. Saya

nampak rancangan desa usaha ini yang dijalankan oleh Pemaju-pemaju Masyarakat yang didahului oleh Pemaju-pemaju Masyarakat yang dari masa ke semasa menjalankan kegiatan-kegiatan khidmat nasihat di kampung-kampung. Saya nampak bahawa khidmat nasihat ataupun pandangan dan saranan yang dibuat ini mungkin tidak memberi kesan jika sekiranya tidak diberi sampingannya iaitu mestilah disertakan dengan beberapa perkara perlu untuk memajukan masyarakat kampung itu. Misalnya, kalau sekiranya dalam satu kampung yang mempunyai rancangan desa usaha atau RDU ini, Pemaju Masyarakatnya atau PMnya, bukan Perdana Menteri, Pemaju Masyarakat, akan tinggal dalam kampung itu dan bekerjasama dengan ahli masyarakat untuk membaiki keadaan kesihatan, membaiki keadaan-keadaan lain misalnya membuat kebun dapur. Tetapi kebun dapur ini tidak dapat dibuat jika sekiranya tiada imput-imput yang lain.

Soal bantuan sedikit sebanyak itu perlulah diminta, diberikan oleh pihak Kementerian atau Kerajaan supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan. Jadi kekesanan perkara ini dapat dilihat dengan jelas. Saya hendak mencadangkan supaya pihak Pemaju-pemaju Masyarakat (RDU) ini dapat menetapkan atau mengambil sesuatu kampung sebagai contoh di mana mereka boleh duduk di dalam kampung itu mungkin dua minggu atau sebulan bagi membuat, membersihkan kampung, membina tandas dan juga menolong bersama-sama dengan ahli-ahli masyarakat membuat kebun dapur ini. Setelah selesai satu kampung, mereka ini bergerak ke kampung yang lain. Ini lebih mendatangkan manfaat dan faedah. Daripada sekarang ini satu-satu Pemaju Masyarakat duduk di satu kampung hanya dua tiga buah rumah yang mengambil bahagian. Saya

berharaplah supaya pihak Kementerian dapat mengekalkan perkara ini dan peruntukan sebanyak \$400,000 itu saya rasa tidak cukup dan perlu diminta tambah oleh pihak Kementerian daripada Kerajaan supaya ianya dapat dikembangkan lagi usaha-usaha ini.

Saya hendak menyentuh sedikit di bawah perkara Kutub Khanah Luar Bandar yang berjumlah \$645,000 yang saya rasa ini juga satu peruntukan yang cukup kecil, kerana pada pandangan saya, tiap-tiap kampung yang mempunyai penduduk mestilah mempunyai satu kutub khanah kecil yang dikelolakan oleh pihak KEMAS supaya anak-anak di kampung itu dalam masa cuti atau masa lapang dapat membaca ataupun duduk di tempat ini sambil mereka itu ditunjuk ajar oleh kakitangan KEMAS di peringkat daerah. Ini satu usaha yang saya rasa perlu dipertimbangkan dan sekarang ini saya nampak di kawasan saya, cuma ada sebuah sahaja kutub khanah luar bandar ini, itu pun terpenciluduknya.

Saya nampak daripada lawatan yang saya buat, ini memanglah mendatangkan faedah kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan itu dan saya hendak menyeru supaya dalam Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa ini, kita dapat memperbanyakkan Pemaju-pemaju Masyarakat Agama kerana ini akan mendekatkan ahli masyarakat kepada agama Islam. Dengan Pemaju Masyarakat yang sekarang ini, kita dapati bahawa guru-guru yang tidak menerima bayaran makin bertambah kurang. Tok Guru-Tok Guru yang ingin mengajar secara sukarela makin bertambah kurang tetapi ada Tok Guru yang sukarela juga, tetapi mengajar Islam caranya sendiri, seperti Pembangkang, ada terdapat ramai dan kita minta supaya Pemaju-pemaju Masyarakat Agama ini dapat menjelaskan keadaan yang sebenarnya apa yang berlaku.

Dalam Butiran 4, Majlis Amanah Rakyat yang berjumlah \$94,638,300, ini menunjukkan satu jumlah yang besar saya rasa. Apa yang saya dapat tahu bahawa Kerajaan telah pun menaikkan jumlah pinjaman tanpa cagaran daripada \$2,000 kepada \$5,000. Saya mengucapkan terima kasih jika ada kebenaran perkara ini dan apa yang saya dengar, bentuk pinjaman inilah yang paling banyak sekali tidak dijelaskan oleh peminjam-peminjam. Saya hendak mencadangkan supaya pihak Kementerian dapat mengkaji dengan membuat peraturan-peraturan yang khusus supaya pinjaman ini dapat diambil balik melalui peraturan-peraturan yang mungkin dikenakan. Itu terpulanglah kepada pihak Kementerian untuk melihat, mengkaji bagaimanakah peraturan-peraturan itu boleh dibuat, supaya Kerajaan tidak menanggung kerugian yang lebih banyak hasil daripada pemberian pinjaman tanpa cagaran sebanyak \$5,000 ini.

Saya telah menyentuh tahun lalu mengenai pinjaman membeli teksi. Walaupun saya difahamkan bahawa pinjaman itu diberhentikan sementara. Tetapi apa yang telah berlaku dahulu iaitu pinjaman sepenuhnya diberi untuk membeli kereta, motokar jenis Datsun 220c yang hanya boleh digunakan dalam masa dua tahun dan selepas itu rosak dan terpaksa diperbaiki dari masa ke semasa, sedangkan pembayaran bulannya adalah melebihi \$600 yang terpaksa ditanggung oleh peminjam-peminjam dan juga pemandu teksi ini. Jika sekiranya mereka gagal berbuat demikian, maka pihak berkuasa MARA akan menarik balik walaupun ada penafian bahawa kereta-kereta ini dibiarkan rosak dan berkarat di Pejabat MARA Negeri, saya sendiri telah melihat bahawa perkara ini memang berlaku, teksi-teksi yang ditarik balik ini dibiarkan rosak, berkarat, misalnya, di Pejabat MARA

Negeri di Alor Setar saya lihat. Jadi ini juga akan menjadi beban kepada Kerajaan jika sekiranya tindakan-tindakan lanjut tidak diambil.

Jadi dengan ini saya hendak mencadangkan supaya kalau sekiranya pinjaman untuk membeli teksi ini dibuka semula supaya ianya diberi mengikut nilai sesebuah motokar iaitu mereka ini dibenarkan untuk membeli kereta yang terpakai, second hand, dengan izin, tetapi penilaian itu mestilah dibuat oleh Jurutera JKR misalnya untuk menilai berapakah nilai kereta itu. Jadi pinjaman boleh diberi hanya setakat nilai yang diberi oleh pihak Jurutera JKR, yang baki itu jikalau dia hendak beli yang lebih mahal mestilah tuan punya atau si pemohon itu mencari sendiri. Mereka ini boleh membeli jenis-jenis motokar yang disukainya yang boleh juga membawa kebaikan kepada mereka dan juga memberi kesesuaian kepada mereka.

Jadi soal pertandingan sekarang apabila telah banyak teksi mereka telah terpaksa bersaing dengan bas-bas ekspres laju yang selesa yang lebih murah pada pandangannya dan selamat. Ini menimbulkan kesukaran kepada pemandu-pemandu teksi dan pemunya-pemunya teksi.

Jadi suatu kajian mengenai pembayaran balik pinjaman ini perlulah dibuat supaya membolehkan mereka ini menjelaskan keseluruhannya jika sekiranya kalau kadar sekarang ini tidak membolehkan mereka bayar, mereka tidak bayar langsung. Maka Kerajaan yang akan rugi. Jika sekiranya satu kadar yang sesuai dan boleh diterima oleh peminjam-peminjam itu, saya yakin bahawa mereka akan menjelaskan semuanya sekali walaupun dalam jangka masa yang lebih daripada sekarang. Mungkin terlebih dua tahun atau tiga tahun asalkan mereka itu dapat membayar

lebih dan sudah pastilah dengan faedah-faedahnya sekali.

Di bawah Majlis Amanah Rakyat ini juga, tadi Yang Berhormat dari Baling menyebut pembinaan gerai-gerai dan kedai-kedai. Jadi dalam melihat perkara ini, saya dapati masa-masa yang telah lalu pembinaan gerai-gerai, kedai-kedai, bazaar ini setakat 6 kaki×10 kaki, sekadar menggantung pisang, menjual ubi. Kalau beginilah kita membayangkan masyarakat peniaga bumiputera maka keadaan mereka ini tidaklah akan berubah dari masyarakat tani yang miskin sekarang ini kepada satu masyarakat peniaga yang maju.

Jadi, saya hendak mencadangkan kepada Kerajaan supaya kalaulah mendirikan kedai, bazaar dan sebagainya dirikanlah lebih banyak rumah-rumah kedai supaya di bawah kedai, di atas mereka boleh tinggal dan seluruh keluarganya akan mengalami proses pembelajaran perniagaan. Ini bapa tinggal di kedai, emak dan anak-anak tinggal di rumah. Tidak mengetahui satu pun mengenai perniagaan. Kalaulah ini boleh dilakukan bermakna keseluruhan keluarga akan terlibat dengan urusan perniagaan harian mereka dan mereka ini lama-kelamaan akan menjadi pandai dan berkembang dan tidak payah diajar lagi.

Jadi, saya memohonlah supaya perkara ini dapat dipertimbangkan, kita dirikan lebih banyak rumah-rumah kedai supaya dapat menampung dan dapat memberi pelajaran kepada masyarakat luar bandar yang ingin mendapat pengalaman di dalam bidang perniagaan ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya masuk dalam B. 63 Butiran 17, Bekalan Elektrik Luar Bandar berjumlah \$35 juta. Saya tidak hendak memohon banyak-banyak kerana saya faham bahawa memanglah kita

mempunyai peruntukan yang terhad, tanggungan Kerajaan yang banyak dalam soal ini. Tetapi apa yang saya hendak sebut ialah masalah perancangan. Bila perkara ini kita sebut di bawah Kementerian Tenaga, Kementerian Tenaga kata ini di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Apa yang berlaku sekarang ini ialah masalah perancangan bekalan elektrik luar bandar ini boleh dikatakan tidak selaras dengan pelaksanaan pada peringkat daerah dan di negeri. Walaupun pada asasnya Jawatankuasa Tenaga Peringkat Negeri telah meluluskan tetapi ianya tidak dapat dilaksanakan pada tahun berkenaan. Sebagai contoh dalam satu kampung saya beri; saya terpaksa menulis surat kepada Jurutera BELB di Alor Setar, menanyakan bilakah kampung ini dibekalkan, dimulakan projek padahal kita telah meluluskannya untuk perlaksanaan pada tahun 1984. Dia menjawab pada bulan Oktober yang lalu bahawa kertas kerja telah dikirimkan ke Kuala Lumpur dan sekarang masih menunggu kelulusan kertas kerja—bulan Oktober, November dan Disember—tiga bulan. Jadi terpaksa dibawa ke tahun 1985. Kita mempunyai Rancangan Lima Tahun yang telah kita susun tiap-tiap lima tahun sekali bagi mengatur program-program Kerajaan. Jadi, jika sekiranya kita telah menetapkan tarikh satu-satu kampung itu untuk kita melaksanakan program, projek BELB ini pada tahun 1984, saya berkeyakinan bahawa kita boleh melakukan kerja-kerja permulaan pada penghujung tahun 1983 atau awal tahun 1984.

Kerja-kerja sukat-menyukat, kerja-kerja pembuatan pelan, melukis pelan yang perlu, selepas itu kita serahkan kepada pihak berkuasa di daerah untuk diluluskan, ditanda-tangani oleh Pemungut Hasil Tanah dan Pegawai Daerah, dikembalikan untuk simpanan. Sebab ini pada pandangan

saya tidak akan memakan belanja kerana telah pun dirancang dan telah diluluskan apabila tiba masanya, apabila wang diluluskan kita teruskan sahaja menjalankan projek itu. Ini tidak, sehingga bulan Ogos, bulan September kerja sukat menyukat hendak dibuat, pelan pun hendak dibuat pada bulan September dan selepas daripada itu Oktober, November—tinggal empat bulan sahaja dalam satu tahun. Ini saya rasa satu bentuk perancangan yang perlu diselaraskan oleh pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan pihak BELB di Lembaga Letrik Negara supaya ianya dapat diselaraskan, diperbaiki supaya projek-projek bagi tahun 1984 tidak dibawa kepada tahun 1985, dan tahun 1985 pula tidak dibawa ke tahun 1986. Ini akan melambatkan proses dan mungkin akan jadi pula prestasi pembangunan sesuatu Kementerian itu akan jatuh disebabkan oleh kelambatan dan proses birokrasi ini.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandau.

5.37 ptg.

Tuan Newman Gaban (Bandau): Tuan Pengerusi, saya sebenarnya hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan dan membuat beberapa komen berkenaan dengan peruntukan tahun hadapan di bawah Maksud B. 63—Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, fungsi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah sangat penting. Tertubuhnya Kementerian ini adalah sangat dialu-alukan oleh penduduk-penduduk luar bandar yang tergolong di dalam kumpulan yang miskin. Oleh itu, saya suka hendak

mengucapkan terima kasih dan memberi tahniah kepada Kerajaan dan juga Kementerian yang membuat peruntukan kepada kawasan luar bandar termasuk juga kawasan luar bandar di Sabah.

Bagaimanapun, pada pendapat saya peruntukan adalah agak kecil berbanding dengan keperluan yang besar, berbanding dengan jumlah penduduk yang banyak. Misalnya, jumlah peruntukan bagi tahun hadapan ialah \$533 juta dan saya rasa dalam konteks keperluan pembangunan luar bandar Malaysia sepatutnya peruntukan ini hendaklah sekurang-kurangnya \$1 billion.

Tuan Pengerusi, secara kasar cuma \$11 juta sahaja diperuntukan kepada Sabah tahun hadapan yang hanya adalah seperti setitik air di laut sahaja berbanding dengan keperluan yang besar dalam pembangunan luar bandar di Sabah.

Saya suka hendak merayu kepada Kementerian supaya memberi peruntukan yang lebih kepada Sabah dalam masa yang akan datang, terutama sekali suka saya menekankan di sini keperluan besar bagi kawasan saya di Kudat Residency yang telah diistilahkan dan dilaporkan oleh Kerajaan sebagai kawasan yang paling miskin dalam seluruh Malaysia yang telah diperingkatkan sebagai satu dalam hal taraf hidup dan penduduknya.

Memandangkan pengiktirafan ini oleh Kerajaan Malaysia bahawa Residensi Kudat adalah kawasan paling miskin dalam Malaysia, oleh itu saya merayu kepada Kementerian supaya memberi pertimbangan yang khas dan murah hati ke arah memberi peruntukan kewangan yang lebih dan projek-projek perkembangan ekonomi di Residensi Kudat.

Saya percaya dengan jumlah kewangan yang lebih, Residensi Kudat

akan menolong memperbaiki keadaan hidup penduduk supaya mereka tidak akan menjadi penduduk yang paling miskin di Malaysia.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang lebih besar bagi Residensi Kudat adalah sangat wajar dari segi galakan dan feasibility, oleh kerana kawasan ini mempunyai potensi ekonomi yang besar.

Selain daripada keperluan pembangunan yang besar dalam kemudahan asas, potensi yang utama ialah industri-industri yang berasaskan pertanian, berasaskan kayu, pertukangan tangan dan perikanan dalam susunan kepentingan.

Tuan Pengerusi, saya suka menggesa Kementerian yang berkenaan untuk menimbangkan cadangan-cadangan yang berikut dengan mendalam:

- (i) Kementerian hendaklah menggalakkan institusi-institusi kewangannya seperti MARA untuk memberi pinjaman yang lebih menyenangkan daripada hari ini pada orang-orang perseorangan yang melabur dalam projek-projek yang feasible dan realistik di luar bandar.
- (ii) melantik satu Jawatankuasa yang diketuai oleh seorang Pengerusi untuk merancang dan membuat cadangan mengenai projek-projek yang menggalakkan pelaburan bagi Kementerian. Jawatankuasa ini mestilah diletakkan di kawasan tempatan di situ dan Pengerusi hendaklah orang yang berkebolehan yang diperlukan dan competent dan tidaklah semestinya seorang Pegawai Daerah yang biasanya terlalu sibuk dengan urusan-urusan yang penting dalam daerah itu.

Saya percaya untuk memberi kesan kepada peruntukan Kementerian, pelaksanaan pembangunan luar bandar hendaklah disalurkan melalui Jawatankuasa tempatan yang ditubuhkan oleh Kementerian ini.

- (iii) Kementerian hendaklah merancang dan menguntukkan wang khas untuk memberi galakan kepada peniaga-peniaga tempatan di kampung-kampung.

Misalnya, seorang peniaga kampung yang berjaya mungkin mempunyai banyak arang untuk dijual yang diperolehi dari memproses tempurung kelapa kerana terdapat pasaran yang sedia ada. Dalam keadaan ini Kementerian boleh membantu dalam mencari pasaran dengan membeli arangnya.

Tuan Pengerusi, saya percaya kiranya kita menggalakkan pelabur untuk melabur dalam projek-projek tertentu di luar bandar, Kerajaan adalah menolong untuk menentukan bahawa terdapat pasaran bagi barangan atau hasil tertentu. Oleh itu, saya berharap Kementerian akan memberi peruntukan terhadap membantu dan menentukan adanya pasaran yang boleh diharapkan bagi industri-industri luar bandar.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya suka menyatakan sokongan saya kepada peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi tahun hadapan diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Silam.

5.45 ptg.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Pengerusi, pertama saya akan menyentuh Maksud B. 63, Butiran 2—Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa. Dalam pendapat

saya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar seperti yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mempunyai tanggungjawab yang penting dalam membantu kita mencapai matlamat dan cita-cita kita iaitu untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Saya percaya hakikat ini disedari dan adalah diharapkan sepenuhnya oleh masyarakat kita, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar.

Saya percaya bagi kita untuk mencapai cita-cita ini, untuk kita menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan adalah mustahak bagi kita memberi kesedaran khususnya kepada masyarakat yang tinggal di luar bandar. Oleh yang demikian, Kementerian ataupun Kerajaan haruslah memberi penekanan ke atas kemajuan pelajaran dewasa di luar bandar. Oleh kerana dalam hakikat ini kita harus menyedarkan kepada masyarakat betapa pentingnya mereka ini hendak meninggikan hidup ataupun taraf hidup mereka yang begitu rendah.

Saya percaya juga rancangan pembangunan masyarakat tidak terlaksana sekiranya masyarakat luar bandar tidak menyedari hakikat kita iaitu rancangan-rancangan kita untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Satu langkah yang saya akan cadangkan iaitu menerusi rancangan-rancangan pelajaran dewasa yang saya sebutkan tadi di mana masih lagi terdapat rakyat kita khususnya mereka yang tinggal di luar bandar di Sabah yang masih didapati kebanyakannya buta huruf. Oleh yang demikian, saya ingin menggesa Kementerian ini supaya mengutamakan pelaksanaan pelajaran dewasa di luar bandar, khususnya memberi keutamaan kepada negeri Sabah, oleh kerana keadaan buta huruf seperti saya sebutkan tadi terlalu

tinggi. Adalah tidak dinafikan, Tuan Pengerusi, Kementerian ini melalui pegawai-pegawai KEMAS telah menjalankan aktiviti seperti membantu dalam memberi dan mengendalikannya pelajaran dewasa ini di luar bandar, akan tetapi pelajaran dewasa di luar bandar ini belum lagi mencapai matlamatnya, belum lagi terasa, belum lagi ada kejayaan yang kita nampak.

Saya mencadangkan supaya diperbanyakkan lagi kelas-kelas pelajaran dewasa ini dengan pengendaliannya dijalankan di Balai-balairaya yang ada di kampung-kampung.

Saya juga mencadangkan supaya Khutub Khanah luar bandar yang diadakan oleh Kementerian ini ditempatkan di balai-balairaya di mana kelas-kelas dewasa ini dijalankan. Saya berpendapat ini akan mengurangkan perbelanjaan untuk membina bangunan-bangunan untuk khutub khanah yang dirancangan oleh Kementerian ini yang akan diadakan di luar bandar.

Selain daripada itu, saya akan menyentuh Maksud P. 63, Butiran 19—Bekalan Elektrik Luar Bandar. Saya percaya satu perancangan yang baik dan yang sesuai hendaklah diadakan oleh Kementerian ini untuk membekalkan elektrik di luar bandar. Di Dewan ini kalau saya tidak silap, saya telah membuat saranan supaya satu alat "photo-voltaic", dengan izin, akan diadakan oleh kerana didapati kesesuaiannya digunakan di luar bandar, ia menggunakan tenaga suria dan tidak diperlukan untuk dibawa ke tempat-tempat untuk dicharge. Dengan itu, saya menyokong peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini.

Tuan Pengerusi: Saya minta jangan bercakap panjang sangat kerana banyak lagi yang hendak berucap. Yang Berhormat dari Kepong.

5.48 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B. 63, Butiran 1 dan Butiran 2 ke 32, Maksud Pembangunan P. 63, muka surat 311 dan 312.

Tuan Pengerusi, saya sering mendengar penduduk-penduduk di luar bandar, terutamanya apabila saya kembali ke negeri Kelantan mengenai bekalan elektrik dan bekalan air. Kadangkala ada tiang elektrik, tetapi tidak ada bekalan dan kadangkala ada paip air, tetapi tidak ada air dan saya pun ada meneliti buku Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini peruntukannya sebanyak \$736,845,140—besar peruntukannya.

Di sini sukalah saya menarik perhatian Kementerian ini mengenai Butiran-butiran yang ada di dalam buku ini iaitu Maksud P. 63 muka surat 311 dan 312, Butiran 17, 18, 19—Bekalan Elektrik Luar Bandar \$35 juta, bagi Sarawak \$12,500,000 dan bagi Sabah \$9,100,000, jumlah \$56,600,000.

Peruntukan ini kalau kita meneliti, Tuan Pengerusi, P. 57 dan P. 62 yang telah pun dibahaskan di sini, saya hanya merujuk Kementerian-kementeriannya supaya mendapat penerangan daripada Kementerian. B. 57 ada di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, muka 266 hingga 267, Butiran 2 hingga 32, jumlah anggaran tahun 1982 bagi projek-projek elektrik ialah \$364,896,313, ini satu peruntukan yang besar. Dan juga P. 62, muka 301, 302, 303, Butiran 5, 10, 11, 12, 13, 18 dan jumlah peruntukannya \$14,117,000. Soalnya ialah dengan peruntukan di tiga Kementerian ini bagi bekalan elektrik, maka adakah peruntukan ini bertindih-tindih dan adakah penyelarasan yang sempurna untuk menjalan dan melaksanakan projek-projek ini?

Tuan Pengerusi, Kerajaan hendaklah memperbaiki peranan dan fungsinya dalam memastikan bahawa golongan miskin dapat menikmati perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti bekalan air paip, elektrik dan sistem pembetongan najis yang sempurna. Satu Laporan Bank Dunia telah mendapati bahawa kaum Melayu penduduk-penduduk luar bandar dan mereka di bahagian-bahagian utara adalah yang paling kurang menikmati kemudahan-kemudahan awam yang tersebut. Laporan tersebut juga menekankan bahawa perubahan-perubahan yang asas kepada dasar-dasar Kerajaan perlu diadakan untuk memperbaiki peluang menikmati kemudahan-kemudahan ini oleh golongan yang miskin. Pada tahun 1971 hanya 44% dari isi rumah di Semenanjung Malaysia mempunyai perkhidmatan elektrik. Untuk tempoh tahun-tahun 1971 hingga 1975, rancangan elektrik luar bandar di Malaysia hanya berjaya membawa perkhidmatan elektrik ke 297 kampung yang membawa faedah kepada 33,100 rumahtangga yang merupakan hanya 44% dari sasaran Rancangan Malaysia Kedua. Mengapakah prestasi yang begitu mengecewakan berlaku jika Kerajaan adalah serius mengenai menyediakan kemudahan-kemudahan sosial untuk mempertingkatkan mutu kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar?

Pada akhir tahun 1980 hanya 29% dari penduduk luar bandar di Sabah dapat menikmati bekalan elektrik, pada akhir tahun 1983 hanya 41% dari penduduk luar bandar di Semenanjung Malaysia yang disediakan perkhidmatan elektrik, hanya 34% dari penduduk luar bandar Sabah dan 16% dari penduduk luar bandar Sarawak yang menikmati kemudahan elektrik. Inilah ada satu hakikat yang menunjukkan Kerajaan perlu meningkatkan peranan dan fungsinya di dalam membekalkan elektrik ke luar bandar.

Ada satu lagi, Tuan Pengerusi, iaitu mengenai bekalan air ke luar bandar, P. 63, muka 312, Butiran 20, 21, 22. Anggaran bekalan tahun 1982 ialah \$39,344,800 dan peruntukan ini walaupun tidak begitu besar kalau kita lihat, Tuan Pengerusi, secara bandingan, P. 61 muka 287, Butiran 61 hingga 113, jumlah bekalan air bagi anggaran tahun 1985 di bawah Kementerian Kerjaraya \$507,549,050 dan P. 62 muka 301, 302, 303, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Butiran 1, 5, 10, 11, 12, 18 dan jumlah peruntukan di dalam Kementerian itu ialah \$36,627,000. Tuan Pengerusi, saya hendak mengetahui sama ada peruntukan-peruntukan dari ketiga-tiga Kementerian ini diselaraskan dengan sempurna supaya projek-projek bekalan air ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, Pertubuhan Kesihatan Dunia telah menyatakan bahawa penyediaan satu sistem air yang bersih merupakan kegiatan yang penting sekali yang dapat dilaksanakan untuk mempertingkatkan keadaan kesihatan penduduk di luar bandar. Pada tahun 1974 hanya 49% daripada penduduk luar bandar, termasuk penduduk, dengan izin, "small urban concentration" yang menggunakan air paip. Pada tahun 1983, 90.6% dari penduduk bandar di Semenanjung Malaysia, 99% dari penduduk bandar di Sabah dan 92% dari penduduk bandar di Sarawak yang dibekalkan perkhidmatan air bersih untuk bekalan air luar bandar pula adalah amat mengecewakan bahawa hanya 57.2% dari penduduk luar bandar di Semenanjung Malaysia, 29% di Sabah dan 29% di Sarawak yang dapat menikmati bekalan air paip yang bersih.

Berkaitan dengan pengagihan ketiga-tiga perkhidmatan asas; elektrik, air dan pembetongan najis di

Semenanjung Malaysia adalah didapati bahawa kaum Melayu amat kebelakangan berbanding dengan kaum-kaum yang lain di negara ini. Kerajaan perlu mempergiatkan usaha-usahanya dalam menjamin bahawa semua isi rumah di luar bandar dan di bandar akan dapat menikmati ketiga-tiga perkhidmatan asas ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerantut.

5.59 *ptg.*

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut): Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 63, Butiran 3—Pembangunan Koperasi, di muka surat 309, bersekali dengan Maksud Pembangunan 63, Butiran 9, muka surat 310, Kemajuan Koperasi.

Tuan Pengerusi, saya memandang soal kemajuan dan pembangunan koperasi ini adalah sangat penting memandangkan gerakan koperasi ataupun pembangunan koperasi ini merupakan satu perkara yang sangat penting dan perlu di luar bandar.

Saya bacakan dua di antara strategi Belanjawan program ini iaitu pertama, menggalakkan penubuhan koperasi yang kukuh dengan mempunyai ahli-ahli yang ramai, modal yang cukup dan pengurusan yang cekap. Yang keduanya, menggalakkan koperasi-koperasi supaya aktif melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan pembangunan ekonomi negara dan juga menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh membendung inflasi sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Yang demikian saya berharap Kementerian dapat menggerakkan berkenaan dengan koperasi ini menjalar ke seluruh negara dan berusaha sedaya upaya supaya gerakan-gerakan koperasi ini maju demi untuk pembangunan negara.

Sebentar tadi, Tuan Pengerusi, saya pada jam 4.00 petang mengadakan

perundingan dengan Dato Jaafar Hussein, Pengerusi Malayan Banking Berhad khusus di atas tajuk pinjaman kepada sektor pertanian kerana atas kesedaran saya betapa pentingnya pembangunan sektor pertanian khususnya di luar bandar kepada pembangunan negara.

Saya telah mendapat penerangan daripada Dato Jaafar Hussein, Pengerusi Malayan Banking bahawa industri bank boleh menyokong usaha-usaha bagi membangunkan sektor pertanian khususnya di luar bandar. Satu masalah kepada bank-bank ialah untuk memberikan pinjaman individu kepada petani-petani daripada pengalaman mereka adalah sangat menyulitkan kerana mereka tidak mempunyai satu organisasi yang kukuh secara persendirian biasanya pinjaman-pinjaman bank bagi tujuan pertanian gagal. Yang demikian dalam perbincangan itu saya mendapat pandangan daripada beliau, yang juga Pengerusi Persatuan-persatuan Bank di Malaysia, perlu ada satu organisasi yang boleh menguruskan soal-soal petani-petani ini, perlu ada satu organisasi yang boleh menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kemajuan pertanian petani-petani, nelayan-nelayan seterusnya dengan perjalanan yang baik boleh disokong oleh industri bank dengan memberikan pinjaman untuk memajukan mereka.

Maka saya berpendapat koperasi di bawah Kementerian ini, Jabatan Pembangunan Koperasi boleh memainkan peranan yang penting dengan memajukan koperasi-koperasi yang di luar bandar dan seterusnya koperasi-koperasi ini dapat berdiri kukuh mengumpulkan ahli-ahli terdiri daripada petani-petani, penduduk-penduduk kita di luar bandar, nelayan-nelayan dan seterusnya melancarkan projek-projek ekonomi sama ada berasaskan pertanian atau berasaskan misalannya nelayan-nelayan penangkap ikan dan

sebagainya. Saya berpendapat hanya dengan cara ini sahaja, dengan Jabatan Koperasi menggerakkan syarikat-syarikat koperasi di luar bandar mereka mempunyai satu organisasi yang kuat, yang kukuh, yang boleh mengaturkan strategi pergerakan mereka untuk menyertai di bidang pembangunan negara. Dengan kerja-kerja yang baik ini saya percaya kita boleh mendapatkan sokongan kewangan yang baik daripada bank-bank kerana mereka boleh memberikan pinjaman-pinjaman untuk menyokong kegiatan-kegiatan perniagaan koperasi ini baik di bidang pertanian ataupun di bidang yang lain.

Satu daripada contoh, baru-baru ini saya mendapat tahu umpamanya NAFAS telah diberikan kontrak membekalkan baja-baja kepada Kementerian Pertanian. Ini membuktikan satu organisasi yang baik sehingga boleh mentadbirkan satu kontrak yang sangat besar dan kita berharap bila Kerajaan melancarkan program pembangunan luar bandar dan juga memodenkan luar bandar seperti dalam Kajian Separuh Penggal dan juga kemungkinan Rancangan Malaysia Kelima, kita berharap orang yang boleh memainkan peranan penting dalam soal mengumpul dan menyatukan serta menjalankan organisasi yang baik dalam pembangunan luar bandar ini ialah pergerakan koperasi, syarikat-syarikat koperasi.

Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Kementerian dalam perhatian saya, saya dapati koperasi-koperasi yang ditubuhkan oleh peneroka-peneroka FELDA adalah sangat maju sehinggakan di tempat saya misalnya Gabungan Koperasi-koperasi Peneroka, maknanya tiap-tiap satu kawasan peneroka ada koperasi, gabungan koperasi ini telah

boleh menyelenggara dan menjalankan pembekalan baja-baja, racun-racun, mengadakan perkhidmatan mengangkut buah-buah kelapa sawit daripada ladang ke kilang dan oleh kerana itu kebanyakan syarikat-syarikat koperasi di FELDA ini kepunyaan peneroka sebagai ahli-ahlinya adalah maju, jarang ada yang rugi melainkan untung belaka sehingga boleh mereka mengadakan perkhidmatan seperti perkhidmatan bas sekolah dan sebagainya. Jadi saya memandang soal program bahagian Jabatan Pembangunan Koperasi ini adalah sangat penting dan kita berharap Kementerian memberikan keutamaan yang tinggi kepada program ini demi untuk mencapai matlamat seperti yang tercatat di sini tujuan dan juga strategi.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada Butiran 2, Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa di muka surat 309 dan juga Butiran 1 di muka surat 310 iaitu Program Kemajuan Masyarakat secara bersekali.

Tuan Pengerusi, mengikut strategi program ini di antaranya iaitu yang dikenali sebagai KEMAS ataupun Kemajuan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa. Pertama memperkukuhkan lagi organisasi dan program yang sedia ada supaya lebih licin dan teratur, yang kedua, akan mengawal perbelanjaan bahagian ini dengan sebaik-baiknya tanpa menjejaskan prestasi perkhidmatan.

Yang akhir sekali dalam program ini saya hendak sebut, Tuan Pengerusi, iaitu strategi yang kelima, melipatgandakan usaha-usaha dalam memberi makluman balas mengenai keadaan sosio ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, Bahagian KEMAS saya percaya adalah sangat penting juga oleh kerana inilah bahagian yang mana kita mengadakan gerakan untuk menjadikan masyarakat luar bandar

ataupun masyarakat desa berfikir dan boleh meorientasikan pemilikan mereka kepada arah menyenangkan kita melancarkan program-program pembangunan negara termasuklah memberi mereka pelajaran yang tidak berpeluang mendapat pelajaran secara biasa, mendapat pelajaran secara kelas untuk orang dewasa dan termasuk juga kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA).

Yang saya hendak meminta Kementerian mengambil perhatian di sini ialah dari segi strategi yang kelima ini iaitu melipatgandakan usaha-usaha dalam memberi makluman balas mengenai keadaan sosio ekonomi negara. Soalnya sekarang bila kakitangan kita di Bahagian KEMAS di kawasan-kawasan mendapat makluman balas seperti ini saya tidak tahu bagaimana cara mereka menyalurkan kepada Kementerian tetapi apakah caranya pula Kementerian ataupun Bahagian KEMAS ini mengolah makluman balas ini sehinggalah ianya boleh digunakan seterusnya untuk melancarkan cara-cara untuk membaiki ataupun cara-cara mengatasi ataupun cara-cara hendak mengelolakan makluman balas ini sesuai dengan kehendak rakyat. Itu saya hendakkan, Tuan Pengerusi, bagi Kementerian yang berkenaan memberikan penjelasan setelah dapat makluman balas daripada rakyat, apa masalah mereka, apa keadaan mereka, apa yang mereka cadangkan mahu dibuat, bagaimana Kementerian ini mengolah dan seterusnya menggunakan makluman balas itu bagi kepentingan mengatur strategi pembangunan negara.

Saya menyokong penuh pada peruntukan yang diberikan kepada KEMAS baik dari segi bekalan dan juga pembangunan malahan saya berfikir dari segi peruntukan pembangunan ini tidak mencukupi bagi KEMAS untuk menjalankan

kegiatan kerana KEMAS ada di tiap-tiap kampung, KEMAS ada di tiap-tiap kawasan bagi kemajuan rakyat.

Tuan Pengerusi, masalah yang akhir secara ringkasnya ialah berkait dengan Butiran 23 di muka surat 312 Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan-jalan di Luar Bandar.

Saya faham, Tuan Pengerusi, bahawa untuk membuat semua jalan di negara kita adalah merupakan satu perkara yang berat di mana peruntukannya adalah sangat banyak diperlukan. Saya di sini membangkitkan satu perkara yang kebetulannya pula selama ini tidak pernah saya dengar mendapat perhatian. Betul kita ada mengeluarkan peruntukan bagi membuat jalan-jalan di luar bandar, membuat jalan tanah merah, menggredkan jalan daripada tanah merah jadi jalan tar.

Saya ingin persoalan di sini saya nampak tidak ada suatu peruntukan bagi penyelenggaraan. Tahun ini kita buat jalan, dua, tiga tahun lagi tidak ada peruntukan untuk membaiki jalan itu, tidak ada peruntukan untuk menyelenggarakan parit-parit, semak-semak di tepi jalan sehingga akhirnya jalan itu, rosak terus dan dilupakan.

Jadi di sini, Tuan Pengerusi, sukalah saya menarik perhatian Kementerian dan memohon mencadangkan supaya jalan-jalan di luar bandar khususnya diadakan peruntukan penyelenggaraan. Yang demikian kalau ia rosak, kalau perlu dibaiki ada peruntukan bagi pegawai-pegawai daerah untuk menggunakan bagi membaiki jalan-jalan ini seperti terjadi kepada jalan-jalan dibuat oleh Jabatan Kerjaraya, mereka mempunyai peruntukan penyelenggaraan, jalan-jalan kampung tidak ada.

Jadi saya mintalah merayu kepada Kementerian bagi seluruh negara di samping kita meluluskan peruntukan

jalan-jalan baharu luar bandar, kita mesti adakan juga peruntukan penyelenggaraan kepada jalan-jalan ini kerana biasanya rakyat tidak dapat melihat, rakyat tidak dapat dibezakan, adakah ini jalan JKR maka ada peruntukan penyelenggaraan ataupun ini adalah jalan luar bandar oleh Pegawai Daerah tidak ada peruntukan penyelenggaraan, yang mereka tahu jalan ini rosak tidak dibaiki, yang mereka faham jalan ini sampai masanya perlu diturap kembali dan sebagainya.

Itulah, Tuan Pengerusi, saya membawa beberapa perkara, akhirnya saya menyokong peruntukan Kementerian ini bagi tahun 1985. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Julau.

6.14 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Pembangunan 63—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, muka surat 310 hingga 313. Saya menyuarakan di sini secara umum kepada Kementerian tersebut dengan peruntukan perbelanjaan sebanyak \$736,845,140 untuk berbagai-bagai projek luar bandar di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab mengenai keadaan penduduk-penduduk luar bandar dan saya rasa simpati kepada setingan-setingan dan rakyat yang dianggap mundur dan miskin maka Kementerian ini patutlah diberi peruntukan yang lebih dan mencukupi di masa-masa akan datang.

Di negara Malaysia kita ini hampir 70% rakyat duduk di kawasan-kawasan luar bandar yang kebanyakan mereka-mereka ini belum lagi menikmati kemudahan-kemudahan seperti elektrik, bekalan air dan sebagainya. Keadaan hidup mereka

merosot kerana kemelesetan ekonomi dunia yang kita hadapi sekarang dan susah hendak mencari jalan untuk meninggikan lagi taraf hidup mereka. Kepada Kementerian ini diberi peruntukan yang cukup maka dapatlah kita berusaha menyusun semula masyarakat kita di luar bandar, dengan demikian kemiskinan di kalangan rakyat jelata dapat berkurangan dan boleh dihapuskan sama sekali.

Tuan Pengerusi, di Semenanjung Malaysia, penyusunan semula masyarakat luar bandar telah lama dijalankan tetapi di Sarawak dan Sabah keadaan ini berlainan, tidak ada apa-apa pelan yang konstruktif yang dijalankan untuk menyusun semula masyarakat-masyarakat luar bandar di negeri-negeri tersebut. Saya memohon supaya Kementerian Pusat melalui Kementerian ini dan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah dapat bekerjasama mengadakan satu pelan induk yang konstruktif untuk menyusun semula masyarakat di luar bandar di kedua-dua negeri itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan yang sama di muka surat 110, Butiran 18 di mana bekalan elektrik luar bandar negeri Sarawak diperuntukkan sebanyak \$12,500,000 untuk tahun 1985. Peruntukan yang diadakan di atas adalah mencukupi jikalau ditumpukan atau diimplementasikan di luar bandar sahaja atau dibelanjakan dengan sebaik-baiknya dan tidak ada penyelewengan di kalangan SESCO iaitu Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak.

Tuan Pengerusi, peruntukan \$12,500,000 itu akan diserahkan kepada SESCO negeri Sarawak dan saya memohon kepada Kementerian ini memberi panduan kepada SESCO untuk peruntukan ini tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya. Pegawai-pegawai SESCO sentiasa meluluskan permohonan-permohonan

penduduk bandar kerana peruntukan itu khas untuk pemohon-pemohon luar bandar. Dalam masa tahun yang lepas peruntukan bekalan elektrik luar bandar ini tidak digunakan oleh SESCO untuk melayan pemohon-pemohon dari luar bandar, tetapi digunakan dengan sesuka hati oleh pegawai SESCO dan rakyat kita di luar bandar terpaksa membayar wang kepada SESCO sebelum mereka dapat bekalan elektrik ke rumah-rumah mereka.

Tuan Pengerusi, sebagai menggulung hujah-hujah saya, saya ingin memohon dari Kementerian ini akan memperuntukkan sebahagian dari peruntukan itu diberi ke kawasan pilihanraya saya iaitu P. 147 Julau kepada penduduk di situ kerana penduduk di situ sudah lama memohon bekalan elektrik ke rumah-rumah mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai.

6.19 *ptg.*

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah muka surat 311 di bawah Butiran 17—Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saya begitu bergembira apabila melihat peruntukan bagi tahun 1985 telah diberi sebanyak \$35 juta yang mana peruntukan ini saya rasa akan dapatlah dilaksanakan beberapa projek pembangunan elektrik bagi kawasan luar bandar dan terutamanya kepada beberapa projek yang menjadi masalah di dalam kawasan saya sendiri.

Pada tahun 1984 yang lalu banyak projek-projek rancang usaha yang telah dikemukakan dan di dalam senarai yang ada pada saya ini, nampaknya projek-projek keutamaan yang telah kita berikan sehingga sekarang, 30hb November 1984 tidak

adapun peruntukan yang sampai untuk dilaksanakan dan ini mungkin pada saya tidak ada peruntukan tahun 1984 ini diberikan.

Apa yang menjadi masalahnya ialah misalnya di bawah projek ELB (KY) 53 iaitu rancang usaha ELB bagi kawasan Kampung Alur Pudak, Kampung Gelam 1, Gelam 2, Gelam 3, Kampung Bakong, Jeram Belanga dan Kampung Hutan Gelam. Projek ini telah dirancang sejak lama dahulu dan pihak LLN sendiri telah menulis surat kepada penduduk tempatan ini akan dilaksanakan pada tahun 1981. Dan ada surat keterangannya tetapi sehingga sekarang ini (1984) walaupun kita telah beri sebagai projek keutamaan, ditunda-tunda sampai tahun 1984 pun keutamaannya tidak datang sampai sekarang (30hb November, 1984).

Jadi saya harap bagi tahun 1985 projek-projek keutamaan yang telah dijanjikan sejak beberapa tahun ini dilaksanakanlah supaya jangan jadi janji hanya tinggal janji dan mungkin pihak Kementerian tidak tahu apa yang berlaku di sana tetapi saya sendiri tidak boleh balik ke kawasan itu dan tak boleh masuk kawasan lagi dan kalau ini lagi berlaku, saya harap Setiausaha Parlimen yang ada bersama-sama saya, saya akan bawa ke sana untuk menemui orang ramai di sana untuk mendapat penjelasan mengenai keadaan ini.

Lagi satu projek di bawah ELB (KY59) ini pun juga sama kerana projek ini telah disahkan untuk dilaksanakan pada tahun 1984 ini juga tetapi sekarang pun tidak ada. Projek ELB (KY68) ini bagi kawasan Daerah Kuala Muda, Kampong Titi Bom yang sekarang dinamakan Kampong Berjaya, juga baru-baru ini saya balik ke sana telah didatangi oleh orang ramai di mana projek ini telah diberikan sebagai projek keutamaan 1984 bagi Daerah Kuala Muda juga sampai sekarang (30hb November)

tidak ada bayang. Jadi ini menunjukkan bahawa projek-projek keutamaan yang telah ditetapkan daripada rancang usaha yang diberi daripada peringkat bawah sampai ke peringkat atas tak tahu apa jadi. Dan saya haraplah perkara ini diambil perhatian dan saya merayulah supaya projek-projek ini tidak akan ditangguh-tangguh sehingga lepas daripada Rancangan Malaysia Keempat dan masuk pula kepada Rancangan Malaysia Kelima dan kalau ini berlaku bererti satu malang yang amat besar terhadap janji-janji yang diberikan kepada kawasan yang saya sebutkan tadi.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, ialah di dalam muka surat 312, P. 63 di bawah Butiran 20 iaitu Bekalan Air Luar Bandar: (i) Negeri-negeri.

Saya juga amat bergembira pada tahun ini diberikan peruntukan \$36.4 juta bagi seluruh negara dan ini juga seperti yang saya katakan dalam masalah elektrik juga tadi di mana banyak perancangan-perancangan yang terpaksa hendak diagih-agihkan di seluruh negara dengan peruntukan yang diberikan dan khususnya bagi kawasan saya sendiri terdapat lagi sebanyak 22 buah kampung yang belum mendapat kemudahan elektrik dan ada senarai pada saya, cuma saya mengharapkan ada dua tiga tempat yang juga telah diberikan keutamaan di dalam Rancangan Malaysia Keempat yang sampai sekarang ini tak berjalan. Misalnya di Kampung Gua Stesen, Kampong Banggong Lalang dan Kampong Sungai Rotan.

Saya rasa sudah tiga kali dalam bulan ini keluar dalam surat khabar *Utusan Melayu*, *Berita Harian* dan juga *Utusan Malaysia* di mana pihak-pihak yang berkenaan nampaknya hanya berdiam diri tak mengatakan apa pun dalam masalah ini. Dan bila kita bangkitkan di peringkat pusat, pusat kata ini di peringkat negeri yang merancang dan memberi keutamaan

dan bila ditanya di peringkat negeri, masing-masing kata sana tak tahu, sini tak tahu. Jadi tak tahu di mana lagi hendak bawa perkara ini dan kerana itulah saya kemukakan di sini supaya perkara yang seumpama ini dapat perhatian pihak Kementerian sendiri kerana kalau sekiranya Kementerian sendiri memberi perhatian, saya rasa perkara ini tidak timbul lagi masalahnya.

Tuan Pengerusi, di bawah muka surat 312, Butiran 23 iaitu Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan-jalan di Luar Bandar. Ini juga pada tahun ini peruntukan tahun 1985 ini diperuntukan \$84.3 juta dan ini bererti untuk seluruh negara. Walau bagaimanapun, saya percaya peruntukan ini akan diberikan juga kepada Kedah dan saya tak tahu berapa banyak peruntukan kepada Kedah dan akhirnya saya yakin dan percaya juga akan sampai ke kawasan saya, kerana banyak juga projek-projek yang telah disusun untuk rancangan tahun 1985 itu terutama sekali kepada projek-projek bagi pembangunan jalan-jalan, cuma apa yang menjadi masalahnya baru-baru ini apabila saya menunggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri balik ke Kedah pada minggu lepas, masa di airport saya dapati ada kalangan mengatakan bahawa ada jalan telah tiga kali tar iaitu jalan yang hendak pergi ke kawasan Perdana Menteri oleh kerana Perdana Menteri hendak balik pula dalam minggu lepas, lagi sekali tar, hendak repair jalan yang tak elok itu.

Jadi saya pun kehairanan mengapa jalan kawasan Perdana Menteri sampai tiga kali tar tetapi kawasan-kawasan lain tidak ada dan susah sangat hendak mendapat sedikit sebanyak peruntukan bagi memperbaiki ataupun menyelenggara jalan yang sedia ada dan apabila saya tanya Perdana Menteri, mengapakah jalan di kawasan Perdana Menteri

sampai tiga kali tar, dia kata bukan saya suruh, saya tak suruh, kata dia. Kemudian bila ditanya lagi, ini semua pegawai-pegawai buat. Mengapa pegawai-pegawai ataupun ahli-ahli yang bertanggungjawab mengenainya banyak sangat hendak utamakan kawasan Perdana Menteri, jadi mungkin kerana kawasan itu kawasan Perdana Menteri.

Jadi inilah nampaknya kurang rasa seronok bukan sahaja bagi saya ataupun rakyat kawasan lain yang tidak mendapat keutamaan sehingga Perdana Menteri sendiri pun tak seronok, sebab terlampau banyak sangat bagi kepada dia pun nampak sangat macam rasuah moral terhadap Perdana Menteri (*Ketawa*). Saya harap perkara-perkara yang seumpama ini tidak lagi akan berlaku dan saya harapkan peruntukan untuk tahun 1985 akan dapat diberikan pengagihannya berdasarkan kepada keutamaan dan kepentingannya, usahlah dipandang siapakah Menteri, Perdana Menteri atau siapakah Wakil Rakyat kawasan itu, dan dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas peruntukan yang dimohon.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hilir Padas.

6.27 ptg.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob (Hilir Padar): Tuan Pengerusi, saya berdiri ingin menyertai perbahasan mengenai belanjawan yang diberikan atau diuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu Maksud P. 63.

Saya ingin menyentuh pertamanya mengenai Butiran 13 mengenai Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Tuan Pengerusi, saya berasa dukacita kerana peruntukan yang dikhaskan untuk MARA di Sabah hanya sebanyak \$150,000 sahaja dan adalah sangat berkurangan jika

dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang telah diberikan kepada MARA di Sabah di tahun-tahun yang lalu. Tidak sesiapa yang dapat menafikan bahawa MARA adalah merupakan sebuah institusi yang penting di dalam membantu kaum bumiputera ke arah meningkatkan penglibatan mereka di dalam perniagaan terutamanya sekali kepada pengusaha-pengusaha ataupun peniaga-peniaga kecil bumiputera.

Kita harus menyedari bahawa untuk menjayakan usaha perniagaan mereka ini dengan lebih berkesan permodalan perniagaan adalah sangat penting. Bagi peniaga-peniaga kecil bumiputera, harapan untuk memenuhi kehendak mereka ini ialah melalui MARA yang boleh membuat pinjaman yang dikehendaki oleh mereka ini sekadar yang termampu. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menambahkan lagi peruntukan yang diberikan kepada MARA di Sabah. Peruntukan sebanyak \$150,000 yang diuntukkan kepada MARA di Sabah hanya akan dapat menampung kehendak sebilangan kecil sahaja peniaga-peniaga kecil bumiputera di negeri itu.

Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, sejak parti Berjaya memerintah negeri Sabah mulai dari tahun 1976 kepentingan bumiputera di Sabah di dalam semua bidang telah diambil kira, diberi perhatian yang berat dan seterusnya Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah yang positif dan berkesan demi menaikkan taraf hidup kaum bumiputera di Sabah. Berjuta-juta ringgit telah diuntukkan ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Tidak siapa pun yang dapat menafikan bahawa Kerajaan Negeri Sabah telah banyak menyumbangkan masa, tenaga dan kewangan demi kepentingan bumiputera di negeri itu.

Jika ada orang-orang yang menuduh bahawa Kerajaan Negeri tidak mementingkan kepentingan kaum bumiputera di Sabah, orang-orang ini adalah orang-orang yang sengaja hendak mengelirukan rakyat demi kepentingan dirinya sendiri ataupun politiknya sendiri. Mereka ini adalah orang-orang yang dirundung malang dan berada di alam kekeciwaan. Mereka ini sebenarnya, Tuan Pengerusi; ialah seolah-olah orang buta yang teraba-raba di tengah jalan yang tidak tahu hujung dan pangkal jalan itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap atas Butiran apa itu?

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Ya, saya akan kembali, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, bercakap berkenaan Butir yang ada di hadapan kita ini.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil langkah dan melaksanakan program-program pembangunan yang sudah cukup dan melebihi apa yang seharusnya dibuat ke arah meninggikan taraf hidup rakyat terutamanya bumiputera di Sabah. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri Sabah untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dengan secepat mungkin dan berkesan. Harapan ini akan dapat dimakbulkan dengan secepatnya jika ada sokongan dan penentuan dari Kerajaan Persekutuan. Satu daripada agensi Kerajaan yang memainkan peranan penting di dalam pencapaian Dasar Ekonomi Baru ini ialah pihak MARA sendiri. Oleh yang demikian, adalah adil jika peruntukan MARA yang saya sebutkan tadi di Sabah ditambah ke tahap yang sewajarnya demi memenuhi hasrat ini. Seharusnya MARA di Sabah memainkan peranan yang lebih aktif lagi.

Memang, Tuan Pengerusi, saya menyedari bahawa kegiatan mereka akan terhad jika kewangan tidak mencukupi. Oleh itu, saya merayu kepada Kementerian berkenaan supaya menimbang dan mengkaji semula supaya peruntukan dapat ditambah demi melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka dengan lebih berkesan dan bermakna.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 25 (ii) mengenai Rancangan Pemulihan kampung di Sabah. Tidak berapa lama dahulu di Dewan yang mulia ini saya ada menyatakan bahawa sebenarnya di Negeri Sabah adalah sebuah negeri yang miskin walaupun banyak orang yang beranggapan berlainan. Kalau kita tinjau Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Daerah Pitas iaitu sebuah daerah di Sabah adalah diiktiraf sebagai daerah yang paling miskin di negara ini. Oleh itu ternyata bahawa Negeri Sabah adalah menghendaki bantuan dan pertolongan yang lebih dari negeri-negeri yang lain. Mungkin banyak di antara kita yang belum pernah menjejak kaki di muka bumi Sabah. Namun ada di antara kita yang pernah tiba. Namun demikian, mungkin banyak yang belum ataupun pernah menjejak kaki di luar bandar ataupun di bahagian pedalaman Sabah. Kalaulah ada di antara kita yang pernah berbuat demikian, sudah pasti akan terlihat ada terdapat beberapa buah kampung yang diisikan oleh teratak-teratak buruk dan yang usang yang sangat menyedihkan. Tidaklah menghairankan kalau ada terdapat rumah-rumah yang masih beratapkan, berinding daun rumbia dan berlantai nibung.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, Kerajaan Negeri telah memulihkan beberapa buah kampung ini ke tahap yang boleh dikatakan membanggakan. Namun demikian banyak lagi kampung-kampung yang masih berada

di dalam keadaan yang menyedihkan ini. Dan pemulihan ini tidak seharusnya dibebankan kepada Kerajaan Negeri Sabah semata-mata. Adalah juga menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk mengatasi masalah ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memberi peruntukan bagi pemulihan kampung-kampung di Sabah. Apa yang penting sekarang ialah soal perlaksanaan. Saya tidak payahlah menyebut daerah demi daerah yang mengalami kemiskinan di Sabah tetapi mencukupilah kalau saya merayu kepada Kementerian berkenaan untuk memulih dan menaikkan taraf kampung-kampung terutamanya di dalam keadaan yang saya sebutkan tadi. Saya juga merayu supaya Kementerian berkenaan mengambil langkah dan tindakan yang segera demi mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi saya ingin menyentuh ialah Butiran 16 mengenai Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Saya berasa sedih kerana tidak ada sebarang peruntukan yang diberikan demi perkembangan dan kemajuan Kraftangan Malaysia di Sabah. Mungkin ada orang yang menganggap bahawa hal ehwal Kraftangan adalah satu perkara yang tidak begitu penting. Kita harus menyedari bahawa Kraftangan di samping berfungsi sebagai alat untuk mengutarakan hasil usaha rakyat terutamanya di luar bandar, ianya juga harus diiktiraf sebagai satu kegiatan ke arah mengembang dan memajukan seni budaya dan kreativiti rakyat yang mempunyai kemahiran di bidang ini. Sabah dan Sarawak seperti juga dengan negeri-negeri lain di negara ini adalah mempunyai potensi kebanggaan ke arah menghasilkan Kraftangan yang berunsur kesenian yang diwarisi di negeri-negeri

tersebut. Adalah sangat menyedihkan jika ianya lenyap begitu sahaja. Oleh yang demikian, saya merayu kepada **Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menubuhkan pejabat atau cawangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia di Sabah dan Sarawak dengan harapan semoga Kraftangan yang berunsur kesenian yang kaya ini akan dapat terus dikekalkan.**

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong Belanjawan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang akhirnya Yang Berhormat dari Bagan Datok.

6.47 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 63, Butiran 2, 3 dan 4 serta Maksud B. 63, Butiran 11, 17, 20 dan 21.

Pertamanya dari segi prestasi Kementerian Pembangunan negara dan Luar Bandar ini di atas peruntukan sebanyak \$736 juta lebih, saya menyokong. Tetapi dalam peruntukan pembangunan, saya berasa agak dukacita jugalah sebab dalam tahun 1984 telah lebih \$10 juta bermakna dalam tahun 1985 dikurangkan pembangunan sebanyak \$10 juta.

Dalam menyentuh Maksud B. 63, Butiran 2 mengenai Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa, bersekali dengan maksud P. 63, Butiran 3, 4 dan 5, satu mengenai Khutubkhanah Luar Bandar, oleh sebab Perdana Menteri dan Kerajaan kita menggalakkan rakyat keseluruhannya supaya gemar membaca, saya suka mencadangkanlah kepada Kementerian ini supaya di bawah Pentadbiran Kemajuan Masyarakat, memperhebat dan mengadakan Khutubkhanah-khutubkhanah di mana Dewan atau Balairaya di luar bandar ataupun

bandar kecil itu boleh kita gunakan. Pada masa sekarang ini rata-rata kita pergi ke seluruh negara ke ceruk rantau kampung dan desa boleh dikatakan ada juga satu dua Dewan atau Balairaya yang dijadikan Khutub Khanah tetapi tidak menyeluruh. Saya mencadangkan supaya Kementerian ini mengambil inisiatif yang penting untuk mewujudkan Khutub Khanah-khutub khanah luar bandar dengan menempatkan Khutub Khanah di Balairaya ataupun di Dewan-dewan.

Mengenai Butiran 4—Taman Bimbingan Kanak-kanak, saya sangat memuji usaha-usaha ini oleh kerana di luar-luar bandar Taman Bimbingan Kanak-kanak di bawah Jabatan ini yang telah meningkat maju dan baik tetapi apa yang penting dari segi pentadbirannya, gurunya dan sebagainya haruslah diperbaiki lagi supaya dapat diselaraskan dengan kehendak-kehendak Kementerian Pelajaran ataupun Jabatan Pelajaran.

Mengenai Butiran 5—Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat, Tuan Pengerusi, perkara ini berjalan dengan baik tetapi ada setengah-setengahnya, misalnya dalam kawasan saya, Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat ini kekurangan bekalan dan sebagainya. Sebagai contoh beberapa Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat di kawasan saya memohon peruntukan daripada saya sendiri sebagai Wakil Rakyat dan telah saya sumbangkan. Apa yang saya harapkan di masa akan datang supaya perkara-perkara ini dapat dilengkapkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, perkara tiga iaitu Pembangunan Koperasi. Saya ingin menyentuh sedikit oleh sebab tadi telah disentuh oleh rakan-rakan saya, saya berserta dengan Maksud P. 63 iaitu Butiran 9—Kemajuan Koperasi. Semenjak Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menekankan tentang

perlunya diperkembangkan ataupun diperbaiki tentang perjalanan koperasi-koperasi dalam negara kita ini, kita telah dapati bahawa koperasi-koperasi kita setengah daripadanya telah berjalan dengan baik tetapi saya suka menyarankan di sini supaya syarikat-syarikat kerjasama ataupun koperasi-koperasi yang ada, sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar yang berselerak di seluruh negara kita ini bukan sahaja digesa untuk diperkembangkan audit dan sebagainya tetapi harus Kementerian ini memberi satu bantuan, pertolongan tunjuk ajar dan sebagainya atau kalau perlu menyenaraikan semua sekali koperasi-koperasi dalam negara kita dan meletakkan kepada kategori koperasi yang maju, kurang maju ataupun yang perlu dibantu. Jadi, dengan cara semacam ini koperasi di dalam negara kita ini dapat digerakkan supaya mencapai kepada tahap yang lebih baik di masa ini dan di masa yang akan datang.

Saya bersetuju sepertimana kata saudara saya tadi bahawa NAFAS telah diberikan peruntukan untuk membekalkan baja dan sebagainya tetapi yang mendukacitakan tentang harga pula, saya sendiri sebagai Pengerusi sebuah syarikat dari segi bekalan baja dan sebagainya harganya adalah berlainan kalau kita beli daripada pembekal-pembekal yang tidak dibekalkan daripada NAFAS. Saya harap perkara ini dapat diselaraskan ataupun disiasat supaya tidak berlaku jurang perbezaan harga yang begitu tinggi jika dibandingkan dengan pembekalan yang dibekalkan oleh NAFAS, melalui LPP dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, menyentuh mengenai perkara yang keempat iaitu Majlis Amanah Rakyat. Saya sentuh juga Maksud P. 63, Perkara 11 ini adalah sangat saya mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kerana

program ataupun strategi Majlis Amanah Rakyat adalah sangat baik untuk tahun 1985 ini. Oleh kerana saya memandangkan dan saya menekankan perkara ini adalah sangat penting dan mustahak kita dapati semenjak Majlis Amanah Rakyat ini telah diwujudkan terutama sekali dari segi pelajaran dengan program-program biasiswa, Maktab Rendah, Institut Kemahiran, Perdagangan dan Perusahaan juga Perkhidmatan Pengangkutan bolehlah dikatakan kemajuan anak-anak bumiputera yang kita telah latih melalui Maktab Rendah Sains ataupun melalui ITM dan sebagainya ke seluruh negara khususnya di Ibukota Kuala Lumpur ini di mana pun kita pergi sama ada Jabatan Kerajaan ataupun swasta dan sebagainya adalah hasil daripada keluaran penuntut-penuntut yang diwujudkan oleh Majlis Amanah Rakyat ini, maka sebab itulah saya memuji kepada program ini supaya perkara ini diperhebatkan dengan lebih giat lagi supaya pada masa ini dan pada masa akan datang peranan Majlis Amanah Rakyat ini akan dapat berkesan lagi.

Saya sungguh tertarik hati dengan rancangan kalau betul perkara ini dilaksanakan di mana MARA akan mengadakan program kewangannya sendiri ataupun kompleks kewangannya ini patut dialu-alukan. Selain daripada itu mengenai MARA juga yang saya difahamkan ada mempunyai tanah-tanah sama ada di peringkat negeri-negeri dan sebagainya supaya tanah-tanah ini dimajukan ataupun kalau tidak dimajukan diserahkan kepada penswastaan dan sebagainya.

Saya sangat bertahniah umpamanya dalam bidang perdagangan dan perusahaan di mana bukan sahaja MARA telah membantu kepada syarikat-syarikat bumiputera tetapi anak-anak syarikat MARA itu sendiri saya difahamkan telah mencapai kemajuan yang baik tetapi dari segi

untuk penyelarasan supaya anak-anak syarikat MARA ini pula tidak bertanding dengan syarikat-syarikat bumiputera yang lain. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada ura-ura ataupun memang telah ada dirancangan dari segi hendak menswastakan milik-milik syarikat MARA ini bilakah masa ataupun sudahkah sampai masanya patut diberi kepada syarikat-syarikat bumiputera dengan tujuan supaya persaingan tidak wujud di antara anak-anak syarikat MARA dengan syarikat-syarikat bumiputera.

Buat akhir sekali, Tuan Pengerusi, oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya ingin merangkumkan Maksud P. 63 di bawah Butiran 17 mengenai Bekalan Elektrik, juga Butiran 20—Bekalan Air, Butiran 23—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diwujudkan adalah hasil daripada pemikiran Bapa Pembangunan Negara kita, Allahyarham Tun Abdul Razak, dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah jalan, masalah air dan masalah elektrik di luar-luar bandar. Peruntukan yang diperuntukkan sebanyak yang tercatat di sini, saya rasa tidak mencukupi untuk seluruh negara. Saya berharap Kementerian ini dapat memohon kepada pihak Kementerian Kewangan atau Kerajaan supaya mengadakan sesuatu rancangan yang besar ataupun rancangan yang raksaksa untuk menyeluruh keseluruhan negara. Negara kita telah mencapai kemerdekaan hampir 30 tahun tetapi perkara-perkara yang dihadapi oleh Wakil-wakil Rakyat sama ada Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri bila berhadapan dengan rakyat dan ini saya percaya dalam kawasan Yang

Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri pun ataupun Menteri-menteri lain pun menghadapi masalah rakyat tentang tidak cukupnya keperluan asas, jalan, air dan elektrik. Apakah tidak boleh saya ingin bertanya, apakah tidak boleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar setelah negara kita mencapai kemerdekaan hampir 30 tahun membuat satu program yang menyeluruh secara raksaksa untuk luar bandar sahaja supaya perkara ini tidak tahun demi tahun timbul apabila kita hendak menghadapi pilihanraya umpamanya menghadapi rakyat perkara ini ditimbulkan oleh rakyat masih ada di tempat-tempat yang sepatutnya dapat air, tidak dapat air, sepatutnya dapat jalan, tidak dapat jalan, mereka bukan hendak jalan tar tetapi jalan batu lombong pun tidak dapat sehingga saya sendiri membawa rombongan beberapa kali berjumpa dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, membawa segala surat-surat permohonan daripada orang kampung saya, jadi sampai bila, saya ingin bertanya adakah sampai 50 tahun lagi ataupun 100 tahun lagi perkara ini tidak dapat kita laksanakan.

Saya sangat berharaplah bukan sahaja saya bercakap ini untuk kawasan saya tetapi bagi seluruh negara supaya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyusun satu program yang raksaksa walaupun tidak dapat untuk tahun 1985, Rancangan Malaysia Kelima, Rancangan Malaysia Keenam besok disusun dan minta peruntukan. Macam ini \$736 juta mana cukup untuk Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sekurang-kurangnya \$1 billion ataupun lebih daripada itu, baharulah sungutan rakyat di luar bandar ini tidak lagi timbul. Di mana sahaja diadakan majlis dailog Wakil Rakyat menghadapi rakyat bertanyakan jalan, air dan api, negeri sendiri sudah merdeka 30 tahun.

Tuan Pengerusi, atas perkara ini saya berharaplah kerana saya tadi mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini supaya mengambil daya usaha kerana kakitangan—staff ataupun pegawai-pegawai yang saya fikir cukup dedikasi untuk memberi kemudahan kepada rakyat luar bandar oleh kerana kita mendapat mandat. Kerajaan ini adalah rakyat daripada luar bandar. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa (Larut): (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Baiklah, seorang lagi. Silakan.

6.49 ptg.

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Bismillahir-rahmanir-rahim. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk mengambil peluang yang ringkas dan pendek sahaja. Pertama sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadarat Allah s.w.t. yang telah mengizinkan peruntukan kewangan negara kita dapat diatur di bawah Kementerian-kementerian khususnya Kementerian ini yang sangat kita hajati bagi pembangunan di semua bidang dan semua aspek bagi penduduk-penduduk rakyat di luar-luar bandar yang belum menerima nikmat-nikmat pembangunan.

Walaupun bagaimanapun, sejak Pembangunan Luar Bandar yang kemudian berubah kepada Pembangunan Negara dan Luar Bandar sudah banyak rakyat kita bukan sahaja dapat melihat, malah dapat merasai pembangunan-pembangunan yang telah dapat dijayakan oleh Kerajaan kita dari masa ke semasa. Mudah-mudahan dengan kita bersyukur kepada Allah subhanahu wataala, Allah akan memberi lagi limpah rahmat-Nya, pendapatan-pendapatan negara kita yang berlebihan yang boleh pihak Kementerian Pembangunan Negara

dan Luar Bandar menyusun tambahan-tambahan peruntukan yang kita agak tidak mencukupi bagi tujuan-tujuan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya bercakap atas Maksud B. 63 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang jumlah peruntukannya ialah \$736,845,140. Saya memberi keterangan ringkas sahaja, yang pertama sekali saya sentuh Butiran 17, muka surat 311 iaitu peruntukan Lembaga Letrik Negara ataupun bekalan elektrik di luar bandar.

Perkara ini memanglah menjadi sungutan di mana-mana sahaja dan kita sedar Kerajaan kita juga hendak menyampaikan elektrik ke mana-mana sahaja, ke ceruk-ceruk rumah rakyat dalam negeri kita untuk mendapatkan perbekalan-perbekalan ini. Apa yang saya pohonkan supaya dapatlah sekiranya diberi peraturan tertib, yang dahulu kita dahulukan dan yang kemudian, kita kemudiakan.

Di negeri Perak, tiga ampangan besar telah dibangunkan iaitu di Temengor, di Bersia, di Kenering dan pembangunan janakuasa yang lebih awal sekali ialah di Chenderoh. Sekira-kiranya sudah sepatutnya tali-tali api ini dapat dipersampaikan kepada seluruh kampung-kampung dan rakyat di negeri Perak. Tetapi memandangkan bahawa keperluan ini dikehendaki oleh seluruh negara dan tali-tali api yang telah dikeluarkan dari janakuasa di Temengor, di Bersia, di Kenering dan lain-lain itu juga telah disampaikan kepada negeri-negeri yang lain.

Apa yang saya suka hendak memberi ketegasan di sini bahawa di kawasan saya sendiri iaitu Larut, terbahagi kepada dua kawasan iaitu Selama dan Batu Kurau, bahawa penduduk-penduduk ada di antaranya yang merasa hairan sedikit oleh sebab sub-station ataupun pencawang kecil ini dikeluarkan daripada satu tempat

di MARDEC dekat kilang getah di Batu 20, tetapi tali apinya tidak diberi kepada penduduk Batu 20, terus dihantarkan dahulu ke tempat yang jauh iaitu ke Ijok dan kawasan-kawasan sekelilingnya. Maka menjadi sungutan dan kemarahan kepada penduduk-penduduk di kawasan tempatan tersebut.

Saya merayu kepada pihak Kementerian kalau sekiranya dapat tahun ini penduduk di kawasan tersebut diberi kuasa api iaitu kawasan Batu 20 terus ke jalan masuk ke Pantai Besar iaitu menerusi Padang Desa, Sungai Ara, Pantai Besar dan Pantai Besar Ulu. Begitu juga yang tidak jauh daripada pekan Batu Kurau iaitu kampung yang berhampiran telah dapat, kesemuanya kecuali sebuah kampung lagi bernama Kampung Changkat Perah. Jadi diharapkan Kampung Changkat Perah ini juga dapat pertimbangan dan budi bicara Kementerian supaya pihak Lembaga Letrik Negara daripada peruntukan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga peruntukan tambahan daripada pihak Kerajaan Negeri sendiri iaitu peruntukan dari Kerajaan Negeri Perak.

Begitu juga di kawasan Selama iaitu tidak jauh daripada pekan Selama kerana Selama pun sekarang sudah mula membangun terutama kawasan ini adalah kawasan yang boleh dikatakan kawasan keselamatan juga, maka penting di kawasan Kampung Baru Sungai Terap, Sungai Terap Dalam dan Sungai Terap Luar diberi tali api yang hanya jauh dari bandar tidak sampai 2 batu.

Keadaan ini saya sendiri telah datang menemui Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga Menteri sendiri, membawa ketua-ketua kampung yang berkenaan untuk mendapat taklimat dari pihak-pihak Kementerian. Saya

berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar berserta dengan pihak Lembaga Letrik Negara yang telah dapat memberi taklimat-taklimat bahawa sekiranya peruntukan ini didapati bahawa perkara ini dapat dijayakan dalam rancangan-rancangan yang akan datang.

Apa harapan saya, Tuan Pengerusi, supaya perkara ini dapat dijayakan dalam tahun yang berikut ini. Maka sekiranya peruntukan yang telah ditetapkan iaitu sebanyak \$35 juta ini tidak mencukupi, agak saya sekiranya dapat didapati daripada Simpanan Luar Jangka \$600 juta di Kepala P. 64 yang akan datang itu.

Tuan Pengerusi, selain daripada masalah tali api ini, saya juga mengucapkan tahniah kepada Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah dilantik menjadi Pengerusi MARA dan saya yakin Yang Berhormat itu memahami kehendak-kehendak rakyat kerana kita semua datang daripada luar bandar, bagi tujuan-tujuan seperti yang telah disebutkan oleh rakan-rakan saya yang lalu. Hanya satu perkara sahaja saya hendak umumkan sekiranya dapat dari segi masalah kenderaan. Satu syarikat kenderaan bumiputera di Taiping, Perak yang bernama EKOPA atau nama penuhnya Ekonomi Baru, sedang menghadapi kegentingan. Sekiranya pihak pengurusan Bas MARA dapat bekerjasama dan memberi bantuan kepada pihak tersebut, mungkin dapat memulihkan masalah-masalah yang dihadapi oleh Syarikat EKOPA ini iaitu yang berpusat di Taiping.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, izinkan saya sedikit lagi menyentuh mengenai Butiran 25 Pembangunan Masyarakat di bawah (i) Menaikkan taraf jalan kampung.

Memanglah di kawasan utara, khususnya kawasan saya sendiri, banyak jalan-jalan kampung yang sepatutnya dinaikkan taraf atau sekurang-kurangnya ditarkan bagi memudahkan penduduk-penduduk mengeluarkan penghasilan kampung dari buah-buahan yang bermusim, begitu juga hasil padi, hasil tanaman-tanaman singkat masa dan lain-lain perusahaan yang berulang-alik di kampung-kampung tersebut. Maka di bawah peruntukan yang diadakan pada tahun ini agak berlebihan daripada peruntukan tahun yang lalu. Saya mengambil peluang mengucapkan syabas dan tahniah bahawa tahun 1985 akan mendapat \$50 juta bagi tujuan menaikkan taraf jalan kampung ataupun jalan-jalan di luar bandar ini.

Begitu juga Rancangan Pemulihan Kampung. Di bawah rancangan ini, adalah rasa saya ada banyak perkara yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan saya suka menambah sedikit sekiranya dapat daripada peruntukan Pemulihan Kampung ini iaitu diberi peruntukan kepada Kerajaan Negeri bagi membangunkan kampung-kampung tersusun. Kerajaan Negeri Perak banyak mengaturkan kampung-kampung tersusun iaitu tanah-tanah bekas lombong ataupun tanah-tanah yang sesuai disediakan dengan plot-plotnya yang teratur, dengan perancangan yang teratur untuk diberikan kepada rakyat membangunkan rumah mereka sendiri bagi menolong supaya penduduk-penduduk negara kita cepat mendapat rumah kediaman sendiri selain daripada rancangan-rancangan perumahan yang dibangunkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan pihak swasta.

Tujuan saya, kampung tersusun ini ialah untuk mendapatkan kemudahan prasarana (infrastructure) seperti jalan dan lain-lain kemudahan, rumah dan lain-lain akan dibangunkan oleh pihak

rakyat sendiri atau orang ramai sendiri. Selain daripada itu, pada masa ini kesedaran telah timbul bagi pemulihan tanah-tanah terbiar dan juga pemulihan dusun dan sebagainya. Apa yang menjadi masalah kepada pemuda-pemuda di luar bandar ialah untuk mendapatkan alat-alat bagi mereka menggunakan selain daripada tenaga yang ada bagi membersihkan tanah-tanah tersebut. Alat yang sangat dikehendaki oleh penduduk kampung di kawasan saya, ialah mesin gergaji (chain saw). Ini kalau sekiranya dapat diberi menerusi Penghulu atau Ketua Kampung beberapa mesin tersebut yang dapat dipergunakan secara bergilir-gilir dari kampung ke kampung bagi membolehkan mereka menebang dengan menggunakan jentera mesin gergaji ini. Adalah diyakini pemuda-pemuda yang tidak mempunyai pekerjaan dapat tampil semula ke hadapan dengan seruan Kerajaan untuk memulihkan tanah-tanah terbiar, pemulihan dusun dan pembangunan pertanian di kampung serta kawasan masing-masing.

Adalah saya pohonkan, sekiranya di bawah rancangan pemulihan kampung ini, di bawah peruntukan \$25 juta ini, dapat diatitkan perkara yang saya pohonkan itu. Bagi kampung tersusun yang saya maksudkan tadi, saya ulang semula, tempatnya yang sangat penting sekarang ini ialah Simpang Redang Panjang, Ijok, di simpang di antara Ijok ke Selama berhampiran dengan Sekolah Menengah Redang Panjang yang mana Sekolah Redang Panjang letaknya boleh dikatakan berhampiran dengan kawasan hutan simpan. Tanah hutan simpan inilah telah diluluskan oleh Kerajaan menjadi sebuah kampung tersusun yang belum lagi dapat dibangunkan oleh penduduk-penduduk tempatan. Maka dengan bantuan daripada peruntukan tersebut, saya yakin penduduk ini dapat membangunkan rumah masing-masing dengan kadar yang segera.

Sekian sahaja Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas keizinan Tuan Pengerusi mengizinkan saya memberi pandangan-pandangan yang saya agak patut diberi perhatian oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Maka dengan ini saya menyokong peruntukan B. 63—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang berjumlah \$737,845,140.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat menjawab.

7.05 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta juga agensi-agensinya di bawah Kementerian ini. Rata-ratanya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah menyentuh soal-soal pembangunan dan kemudahan-kemudahan asas di kawasan-kawasan luar bandar. Kepada pandangan dan teguran-teguran serta cadangan-cadangan yang telah diberikan itu saya ucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah juga mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan pembangunan kawasan luar bandar dan juga pemberian kemudahan-kemudahan asas kepada kawasan-kawasan luar bandar. Saya tidak tahu sama ada penyertaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu adalah sebagai melepaskan batuk di tangga

ataupun sama ada beliau benar-benar berhasrat untuk Kerajaan membangunkan kawasan-kawasan luar bandar. Bagaimanapun hasrat dan juga kemahuan beliau supaya kawasan luar bandar itu dibangunkan, saya rasa telah dapat diatasi dengan kehendak dan kemahuan daripada penyokong-penyokong Kerajaan dalam Dewan yang mulia ini, kerana pada masa Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ulu Muda membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan kawasan luar bandar, Ahli Yang Berhormat dari Kuching telah menunjukkan minat beliau dengan menyarankan bahawa tiada korum dalam Dewan ini tetapi beliau tidak berucap dan hanya seorang sahaja daripada parti Pembangkang yang telah membangkitkan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan luar bandar. Itulah sebabnya saya mengatakan tadi bahawa penyertaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong hanyalah untuk menunjukkan kepada masyarakat di kawasan luar bandar bahawa parti Pembangkang juga berhasrat untuk membangunkan kawasan luar bandar. Tetapi, Tuan Pengerusi, di pihak Kerajaan suka saya memberi pengakuan bahawa Kerajaan akan sentiasa memandang tinggi kepada sokongan rakyat di kawasan luar bandar kepada Kerajaan dan Kerajaan akan cuba seboleh-bolehnya untuk memberikan pembangunan dan kemudahan asas kepada kawasan-kawasan di luar bandar semoga sokongan rakyat di kawasan luar bandar kepada Kerajaan tidaklah sia-sia sahaja.

Tuan Pengerusi, dalam masa membahaskan peruntukan bagi Kementerian ini, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara. Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan kemudahan-kemudahan asas kepada kawasan-kawasan luar bandar. Saya merasakan bahawa strategi baru

Kerajaan untuk membangunkan kampung dan juga kawasan-kawasan di luar bandar sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat memberi kemudahan ini lebih cepat daripada yang sedia ada. Kaedah dan pendekatan yang baru ini sekali gus akan dapat meningkatkan daya pengeluaran ladang, pendapatan petani dan penduduk, taraf keselesaan dan kesejahteraan hidup dan secara amnya memodenkan sektor luar bandar tanpa melibatkan pembukaan tanah baru dan perbelanjaan yang besar kepada Kerajaan. Lagi pun Kerajaan tidak akan dapat sentiasa menggunakan strategi pembangunan tanah yang semestinya terhad untuk mengurangkan kemiskinan. Pada masa ini pihak Kerajaan-kerajaan Negeri sedang merancang dan ada yang sudah melaksanakan satu atau dua projek printis menggunakan hala cara baru ini. Agensi-agensi yang terlibat adalah berbagai mengikut keperluan negeri masing-masing. Projek-projek tersebut diselaraskan oleh pihak Setiausaha Kerajaan Negeri.

Kita yakin dan percaya dengan adanya hala cara baru daripada segi pembangunan ini, maka kawasan-kawasan luar bandar akan dapat dibangunkan dengan lebih pesat lagi. Setakat ini kita telah mengenal sebanyak 27 kawasan-kawasan untuk dibangunkan dan kawasan-kawasan ini telah dikenal pasti dan dipulih oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Tadi dalam masa membahaskan peruntukan bagi Kementerian ini, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak telah membangkitkan berkenaan dengan kekurangan prasarana di Sabah dan di Sarawak. Sukalah saya menyatakan bahawa peruntukan bagi Sabah dan Sarawak bagi tahun ini adalah merupakan di antara peruntukan-peruntukan yang paling tinggi iaitu sebanyak \$28 juta bagi Sabah dan \$21

juta bagi negeri Sarawak. Dengan adanya hala cara baru pembangunan kawasan-kawasan luar bandar ini, kita mengharapkan bahawa peruntukan-peruntukan ini dapat kita gunakan, dengan izin, lebih efficient, lebih berkesan bagi membangunkan kawasan luar bandar. Sabah setakat ini telah pun memilih tiga buah kampung termasuk Kampung PATA daripada kawasan Kudat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan mengenai tiada penyelarasan di antara pihak Lembaga Letrik Negara ataupun di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat daripada segi pembekalan elektrik.

Sukalah saya nyatakan, Tuan Pengerusi, bahawa sebelum projek-projek dapat dilaksanakan oleh Lembaga Letrik Negara di peringkat negeri maka ia perlu mengemukakan projek-projek "brief" kepada Ibu Pejabat LLN untuk mendapat kelulusan. Dan kadangkala projek ini telah dikemukakan oleh Lembaga Letrik Negara di peringkat Negeri kepada peringkat Pusat. Tetapi sebelum projek-projek ini mendapat kelulusan peringkat Pusat, ada pihak-pihak yang menyatakan projek ini telah pun diluluskan. Jadi kebiasaannya kelewatan ini bukanlah kelewatan Lembaga Letrik Negara ataupun Kementerian tetapi sekadarkan kelulusan projek ini telah diketahui oleh umum terlebih dahulu sebelum ianya benar-benar telah diluluskan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda membangkitkan berkenaan kenaikan had pinjaman khas dari \$2,000 ke \$5,000. Sebenarnya, had pinjaman khas belum lagi dinaikkan dari \$2,000 ke \$5,000. Perkara ini masih lagi dalam proses kajian pihak MARA. Memang benar pinjaman ini banyak tunggakan kerana ianya tiada cagaran.

Pihak MARA dalam usahanya untuk mengutip balik pinjaman ini telah melantik beberapa orang "bill collectors" di seluruh negara. Di samping itu peminjam-peminjam yang terlalu banyak tunggakan akan diambil tindakan penguatkuasaan.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan berkenaan dengan tempoh pembayaran balik pembelian teksi perlu dilanjutkan. Sebenarnya teksi telah ditarik mengikut dasarnya akan ditawarkan balik kepada peminjam untuk menebusnya. Seharusnya peminjam yang teksinya ditarik balik akan berhubung dengan MARA untuk menebus balik teksi-teksi mereka. Sekiranya teksi ini tidak ditebus balik maka pada masa itu barulah teksi-teksi ini akan dilelong. Bagaimanapun bilangan teksi-teksi yang dilelong sangatlah berkurangan.

Tuan Pengerusi, pinjaman teksi sudah dibekukan buat sementara waktu oleh kerana bayaran baliknya sangatlah mendukacitakan. Bagaimanapun sekiranya peminjam-peminjam teksi dapat membayar sebahagian besar daripada pinjaman-pinjaman ini maka kemungkinan pinjaman ini akan dapat dicairkan kembali.

Ahli Yang Berhormat dari Baling meminta Kementerian menyiasat dan mengkaji berkenaan dengan ada di antara anak-anak syarikat MARA yang tidak aktif mungkin kurang modal ataupun pengurusan.

Tuan Pengerusi, memang ada syarikat-syarikat MARA yang mengalami kerugian. Tetapi banyak juga syarikat-syarikat MARA yang mendapat keuntungan. Kebanyakan daripada syarikat-syarikat MARA yang untung merupakan syarikat-syarikat kenderaan. Ada di antara syarikat-syarikat MARA yang mana modal yang dibayar berjumlah \$350,000 tetapi keuntungan yang belum di audit hampir-hampir tiga kali

ganda daripada jumlah modal. Ini menunjukkan bukan semua syarikat-syarikat MARA mengalami kerugian walaupun ada syarikat-syarikat MARA yang mengalami kerugian. Syarikat-syarikat yang mengalami kerugian merupakan syarikat-syarikat yang ditubuhkan untuk membantu peniaga-peniaga bumiputera. Antaranya KIMA. KIMA telah ditubuhkan untuk memberi bekalan kain putih kepada pembatik-pembatik di Pantai Timur.

Akan tetapi dengan adanya penjualan kain batik yang datang dari negeri-negeri yang lebih besar daripada Malaysia dan dengan adanya kain-kain ini dimasukkan ke Malaysia dan ditawarkan dengan harganya yang lebih murah maka KIMA telah tidak dapat menjual kain-kain ini kepada pembatik-pembatik oleh kerana harga yang ditawarkan oleh KIMA melebihi harga yang ditawarkan oleh pembekal-pembekal daripada luar negeri. Bagaimanapun MARA sedang berusaha untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat ataupun anak-anak syarikat MARA akan mendapat keuntungan di masa-masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau membangkitkan agar pinjaman yang lebih senang didapati daripada MARA. Tuan Pengerusi, adalah dirasai bahawa pinjaman MARA sudah memang senang sebab itulah ianya mempunyai bilangan pinjaman yang paling banyak. Walau bagaimanapun, kerja-kerja memproses satu-satu permohonan itu memakan sedikit masa untuk memastikan bahawa pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan kepada usahawan-usahawan akan dapat dikutip balik.

Di segi bayaran balik pula pinjaman biasa mempunyai had maksima lima tahun dengan faedahnya yang dikenakan sebanyak cuma 7% sahaja bagi pinjaman yang lebih daripada

\$5,000 dan 5½% bagi pinjaman yang kurang daripada \$5,000. Ini menunjukkan bahawa pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh MARA sememangnya dikeluarkan untuk menolong usahawan-usahawan bumiputera. Bagaimanapun seandainya pinjaman ini tidak dibayar balik sudah tentulah MARA tidak akan berupaya untuk memberi pinjaman yang lebih banyak lagi di masa yang akan datang. Itulah sebabnya pihak MARA mengharapkan kerjasama dan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menasihatkan peminjam-peminjam MARA sama ada di Semenanjung atau di Sabah dan Sarawak supaya pinjaman-pinjaman ini akan dapat membayar balik pinjaman MARA. Seandainya pinjaman ini dibayar balik MARA akan mempunyai pusingan yang lebih besar untuk disalurkan pinjaman kepada bumiputera-bumiputera yang berhajat kepada pinjaman.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda meminta supaya gerai-gerai MARA dapat diperbaiki mutunya. Gerai-gerai MARA dibina mengikut tanah-tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan Negeri dan biasanya luas tidak kurang daripada 15'×40'. Gerai-gerai tersebut dibina oleh Pejabat Daerah di merata-rata kawasan-kawasan tanah yang telah dikurniakan oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Baling juga membangkitkan supaya MARA mendirikan gerai yang lebih selesa untuk pengusaha-pengusaha bumiputera. Perkara ini juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda yang meminta supaya MARA mendirikan gerai-gerai yang dua tingkat yang mana pengusaha-pengusaha ini boleh berniaga di bawah dan tinggal di atas, sebagaimana yang dilakukan oleh peniaga-peniaga daripada keturunan China. Perkara ini akan diambil

perhatian yang berat oleh pihak MARA dan proses pengkajian akan dibuat dan seandainya projek ini ataupun saranan ini didapati sesuai maka ianya akan dilaksanakan oleh MARA.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas membangkitkan berkenaan dengan peruntukan sebanyak \$150,000 sahaja kepada Sabah yang diperuntukkan oleh MARA. Sebenarnya, peruntukan sebanyak \$150,000 adalah untuk aktiviti-aktiviti ataupun kursus-kursus keusahawan kepada bumiputera-bumiputera di negeri Sabah. Di samping itu rakyat di Sabah juga dapat menikmati program MARA yang berbentuk "multi" di sana di mana peruntukannya dikawal di Ibu Pejabat. Contohnya ialah program biasiswa ataupun pinjaman pelajaran, pinjaman-pinjaman, latihan-latihan kemahiran dan juga khidmat nasihat yang selalunya diusahakan oleh pihak MARA. Walau bagaimanapun, MARA sentiasa mengkaji semula peruntukan yang diberi kepada sesebuah negeri daripada satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan KEMAS, Ahli Yang Berhormat dari Baling meminta supaya KEMAS mengisi kekosongan jawatan Penyelia-penyelia Kawasan di kawasan-kawasan di seluruh negara. KEMAS memangnya berusaha untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan Penyelia, bagaimanapun usaha ini terpaksa memakan masa kerana perbelanjaan yang diperlukan bagi mengisi jawatan-jawatan ini. Insya Allah, dalam tahun 1985 ini diharap jawatan Penyelia yang masih kosong yang berjumlah 146 orang akan dapat diisi apabila pembekuan jawatan ini dilonggarkan di tahun hadapan.

Yang Berhormat dari Silam membangkitkan berkenaan dengan kadar buta huruf di negeri Sabah.

KEMAS sedar bahawa kadar buta huruf di Sabah masih tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, bagaimanapun sejak ditubuhkan di dalam tahun 1965 hingga kini telah berjaya memberi khidmat kepada lebih daripada 200,000 orang penduduk di Sabah.

KEMAS telah berjaya mengurangkan kadar buta huruf sebanyak 14.8%, di samping itu KEMAS telah cuba sedaya-upaya untuk menambahkan aktiviti untuk membasmikan buta huruf yang khusus ditumpukan di Sabah dan di Sarawak.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok membangkitkan berkenaan dengan penswastaaan syarikat-syarikat MARA. Sebenarnya adalah menjadi hasrat MARA untuk menswastakan beberapa syarikatnya yang telah pun maju dan berjaya, tetapi ini dijangka dibuat secara berperingkat-peringkat. Tindakan telah pun dimulakan bagi menggalakkan pekerja-pekerja syarikat untuk menubuhkan koperasi-koperasi mereka sendiri, sebagai persediaan untuk mengambilalih sebahagian daripada saham-saham syarikat itu apabila diswastakan nanti, syarikat-syarikat bumiputera lain akan juga diperlawa untuk sama-sama mengambil saham-saham syarikat-syarikat yang akan diswastakan nanti.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda meminta supaya diadakan pusat pengumpulan dan jualan barang-barang kraftangan di daerah-daerah. Sebenarnya tugas mengumpulkan barang-barang sekarang dilakukan oleh KEMAS di peringkat kampung, kawasan dan juga daerah, barang-barang yang dikumpulkan ini akan dijual di gerai-gerai Karyanika yang mana tiap-tiap negeri mempunyai gerai masing-masing di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur.

Kementerian tidak bercadang menubuhkan pusat jualan di peringkat daerah-daerah sehingga barang-barang yang dapat dikumpulkan dan disampaikan ke gerai-gerai negeri di perkampungan Karyanika itu benar-benar mencukupi. Setakat ini pada bulan sudah gerai-gerai ini telah dapat menjual \$200,000 barang-barang kraftangan, jika ini diambil purata bagi setahun bermakna tiap-tiap tahun Karyanika dapat menjual \$2.4 juta barang-barang keluaran kraftangan, sama-santalah kita berdoa semoga usaha ini akan dapat dijayakan dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, saya menyedari bahawa banyak lagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan bekalan elektrik, jalan luar bandar dan sebagainya yang belum lagi saya jawab. Bagaimanapun oleh kerana kesuntukan masa saya tidak dapat menjawab kesemua sekali perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara-perkara ini akan diberikan perhatian yang khusus oleh Kementerian dan insya Allah, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan diambil perhatian dan seandainya dapat dilaksanakan, akan dilaksanakan.

Saya suka menyentuh satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut, iaitu berkenaan dengan penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Sebenarnya Kementerian hanya membantu Kerajaan Negeri menaikkan taraf jalan-jalan kampung, dari itu kita berharap kerjasama daripada Kerajaan Negeri supaya jalan-jalan yang telah pun dibina oleh Kementerian akan dapat diawasi dan diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga Ahli Yang Berhormat dari Larut yang telah

membangkitkan dan memberi pandangan kepada Kementerian ini untuk bertindak dan berfungsi bagi mewujudkan satu corak pentadbiran ke arah pembangunan di seluruh negara bagi seluruh lapisan rakyat di negara ini, semoga peruntukan yang telah dicadangkan dan telah disokong, malahan ada yang meminta supaya peruntukan ini ditambah dengan tujuan ianya akan dapat memberi pembangunan dan semoga ianya juga akan memberi pembangunan dan dapat memberi lebih banyak lagi pasaran kepada kawasan-kawasan di luar bandar.

Saya juga berharap semoga semua sekali fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Kementerian ini akan dapat memberi faedah kepada semua rakyat yang ada di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Atas pandangan dan teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, Kementerian ini menggunakannya di dalam pelaksanaan dan juga perancangan Kementerian di masa-masa akan datang. Kepada saranan dan teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, ianya tetap mendapat perhatian daripada Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$202,887,600 untuk Maksud B. 63 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$202,887,600 untuk Maksud B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$533,957,540 yang disebutkan dalam

Maksud P. 63 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$533,957,540 untuk Maksud P. 63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 telah ditimbang dalam Jawatankuasa Perbekalan dan disetujui tanpa pindaan. Saya

mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Menteri Kewangan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang sudah selesailah kita membahaskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1985. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas segala kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Kita masih ada lagi satu minggu untuk menghabiskan sesi Budget untuk tahun ini, sekarang sampailah pula hujung minggu. Masa bergerak cukup cepat jika kita selalu berasa seronok dan masa bergerak cukup "slow" jika kita sentiasa berasa bosan. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sentiasa di dalam seronok dan di dalam keadaan senyum-senyum selalu dan balik ke Majlis ini pada hari Isnin yang akan datang di dalam sihat wal'afiat. Sekianlah.

Majlis ditangguhkan pada hari Isnin, 3hb Disember, 1984 pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.34 malam.